

## Karya Sastra Melayu Moden yang Berilhamkan Karya Sastra Melayu Lama

MONIQUE ZAINI-LAJOUBERT

Pengarang Melayu abad ke-20 yang sangat risau dengan masalah yang dihadapi pada zaman mereka itu telah banyak memakai tradisi Melayu lama untuk menyatakan pendapat mereka. Pemakaian tradisi lama yang mempunyai tujuan terutamanya politik ketika itu telah mencapai bilangan besar dalam kesusasteraan [Melayu moden - (editor)]. Meskipun subjek ini telah mendapat perhatian, bahkan diteliti beberapa pengkaji (terutamanya Teeuw 1961; Josselin de Jong 1965; Parnickel 1976; Musa 1989 dan Nanney 1994), namun ia masih perlu dikaji dengan lebih mendalam. Ini disebabkan karya-karya seumpama itu telah dihasilkan dalam jumlah yang amat besar.

Kami membataskan perbincangan ini kepada karya sastra dan sinematografi yang dihasilkan sejak tahun 1940-an dan yang mendapat ilham daripada dua teks Melayu lama dari abad ke-17, iaitu *Sejarah Melayu*<sup>1</sup> dan *Hikayat Hang Tuah*<sup>2</sup> selain tradisi lisan yang berkaitan dengannya. Karya-karya ini sendiri sudah sangat banyak, selain antaranya adalah satu genre yang telah dikaji dengan khusus, iaitu teater<sup>3</sup>. Walaupun kami akan berusaha untuk membuat kajian yang menyeluruh, namun tidaklah bermaksud untuk membuat kajian yang lengkap dengan maksud untuk memahami mengapa dan bagaimana pengarang karya-karya itu telah mengambil tradisi sebagai perangsang. Pengarang [Melayu- editor] di zaman moden pada amnya tidak mendasarkan karya mereka pada keseluruhan *SM* dan *HHT*<sup>4</sup>. Mereka hanya mengambil beberapa bahagian dan watak tertentu<sup>5</sup>. Peristiwa yang muncul dalam bahagian ketiga *SM* (kemerosotan dan kejatuhan) dan dalam bahagian pertama *HHT* (terutamanya episod pemberontakan Hang Jebat dan pertarungan antara Hang Jebat dan Hang Tuah) itu didapati yang paling banyak merangsang mereka. Antara watak itu, perempuanlah yang suara mereka hampir tidak kedengaran dalam karya sumber itu telah banyak mendorong imaginasi pengarang<sup>6</sup>.

Karya sejarah modenlah yang mula-mula sekali muncul sejak tahun 1930-an, namun bilangannya amatlah kecil. Pengarang itu belum mendapat ilham daripada *SM* dan *HHT* atau tradisi lisan yang berkaitan dengannya. Mereka hanya melakukannya sejak tahun 1940-an, terutamanya setelah berakhirnya perang Pasifik dan sehingga kemerdekaan pada tahun 1957, zaman yang menandakan kemuncakan genre ini. Yang masih penting pada akhir tahun 1950-an dan 1960-an adalah sudah menurunnya bilangan karya-karya sejarah mulai tahun 1970-an. Sehubungan itu, kami akan menjelaskan pada mulanya dengan ringkas bahawa karya-karya sumber dalam bentuk tulisan (*SM* dan *HHT*) kerana

pengarang moden pada amnya tidak mengatakan apapun tentang tradisi lisan yang mengilhami mereka. Ini diikuti kami mengkaji karya-karya moden dalam dua peringkat: karya-karya yang terbit sebelum kemerdekaan Malaysia dan yang terbit selepas itu.

### KARYA-KARYA SUMBER

*HHT* dan *SM* adalah karya Melayu yang amat terkenal dengan separuhnya berisikan sejarah dan separuhnya mengandungi unsur dongeng dan kenyataan. Sifat kedua-dua karya itu berbeza. *SM* adalah sebuah kronik, manakala *HHT* adalah epik dengan watak utamanya Hang Tuah. Kedua-kedua karya ini boleh didapati dalam pelbagai versi tulisan tangan dan hanya beberapa daripada versi itu telah disunting. Dalam kajian ini, kami gunakan versi *SM* yang disunting W.G. Shellabear dan versi *HHT* yang disunting Kassim Ahmad<sup>7</sup>.



GAMBAR 1. Sampul teks drama pentas Shaharom Husain, *Tun Seri Lanang* (1958)

### SEJARAH MELAYU

*SM* adalah antara kronik yang banyak bilangannya. Ia menceritakan “sejarah” kesultanan Melayu di kepulauan Indonesia dan Semenanjung Melayu Melaka (1400-1511), yang terletak di sebelah selatan Malaysia sekarang<sup>8</sup>. Ditulis dalam versi yang paling panjang pada tahun 1612 di Johor, kesultanan yang menggantikan Melaka, oleh Perdana Menterinya, Tun Seri Lanang.

*SM* mempunyai ciri pelbagai kronik Melayu. Karya ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertamanya berbentuk cerita dongeng berkenaan asal usul kesultanan Melayu. Sultannya diceritakan berketurunan daripada Iskandar Zulkarnain. Bahagian keduanya berkenaan pemerintahan pelbagai sultan dan kejatuhan kesultanan itu adalah lebih realis. Seperti kronik lain, karya ini mengandungi pengajaran dasar tentang hubungan antara raja dan rakyatnya. Raja harus memerintah mengikut konsep keadilan. Rakyat sebaliknya mempunyai kewajipan patuh kepada rajanya. Seperti kronik lainnya, konsep yang menguasai *SM* dari awal sampai akhir berlegar di sekitar dua tema utama: kesahan pemerintah yang mendorong karya ini ditulis dengan mengeramatkan silsilah raja-raja dan penyampaian falsafah pemerintahan yang baik. Selagi raja (atau orang besar kerajaan) mematuhi kewajipan mereka dan mengikut peraturan dan istiadat, selama itulah kerajaan itu akan tetap makmur<sup>9</sup>. Kemeropotannya bermula dengan pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1488-1511) yang tidak bermoral, tidak sopan, tidak berfikir, pada ketika pembesar negara itu mementingkan diri untuk memperkayakan diri [lebih –editor] daripada kepentingan kerajaan. Negara ini berkesudahan jatuh ke tangan orang Portugis pada tahun 1511. Selepas itu, sultan dan pengikutnya melarikan diri ke pelbagai tempat hingga berdirinya kerajaan Johor (1530). *SM* (versi Shellabear) mengandungi kata pendahuluan dan 34 bab (yang disebut *cetera*) tetapi tidak bertajuk. Bab-bab itu ditunjukkan dengan nombornya (misalnya, *Alkisah Cetera yang Kedua*). Namun, ada kekecualiannya. Misalnya, *cetera* ke-10 yang mempunyai tajuk kecil *Alamat akan binasa Singapura*. Karya ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama (*cetera* 1 hingga 10) menceritakan asal usul kerajaan; bahagian kedua (*cetera* 11 hingga 25) tentang zaman kegemilangannya dan bahagian ketiga (*cetera* 26 hingga 34) tentang kemeropotan dan kejatuhannya<sup>10</sup>.

### HIKAYAT HANG TUAH

*HHT* adalah epik dengan nama pengarangnya tidak dikenali. Ia dipandang sebagai karya agung kesusasteraan Melayu lama. Mungkin dikarang di kesultanan Johor pada abad ke-17, karya ini menceritakan peristiwa dari abad ke-15 hingga ke-17. Watak utamanya, Hang Tuah, adalah simbol kesetiaan orang Melayu kepada rajanya. Seperti *SM* dan kronik yang lain, karya ini mengandungi unsur dongeng (misalnya sultan Melaka berasal dari langit) dan unsur yang nyata (misalnya Hang Tuah memang ada). Ia juga mengandungi pengajaran. Melalui pengalaman watak utamanya itu, pengarang menggambarkan kehidupan politik dan sosial di kesultanan Melaka. Tetapi, *HHT* mempunyai beberapa anakronisme yang tidak ada dalam *SM*. Misalnya, Melaka selama satu abad diperintah orang yang sama (Sultan, Perdana Menteri dan Hang Tuah) (Chambert-Loir 1994) dan karya ini menyebut pemerintahan Gajah Mada, Perdana Menteri yang termasyur di kerajaan Majapahit, Hayam Wuruk (1334-1389), yang memerintah pada masa

kegemilangan kerajaan ini, zaman yang sama dengan kesultanan Melaka (1400-1511), padahal kesultanan Melaka belum didirikan lagi.

Epik ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama, setelah menceritakan asal-usul Melaka menurut cerita dongeng, memusatkan perhatian kepada Hang Tuah. Di situ diceritakan masa kanak-kanaknya. Dengan empat temannya (Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu), dia melakukan banyak kejayaan yang luar biasa. Satu daripadanya ialah yang memungkinkan mereka bekerja sebagai pembantu kepada Sultan Melaka. Suatu hari, mereka membela Perdana Menteri (bendahara) menentang orang yang mengamuk; bendahara yang berasa kagum itu memperkenalkan mereka kepada Sultan dan Sultan melantik mereka sebagai pembantunya. Sejak itu, mereka berkhidmat kepada Sultan dengan bersemangat. Bahagian kedua pula menceritakan tugas yang dilakukan Hang Tuah untuk rajanya di banyak negara asing, seperti Cina, Mesir dan Siam<sup>11</sup>.

#### KARYA-KARYA MODEN YANG TERBIT SEBELUM KEMERDEKAAN

Karya sastera sejarah, bahkan karya perfileman yang dihasilkan sebelum kemerdekaan telah mengambil ilham dari tradisi, khususnya *SM* dan *HHT*. Sebahagian besar perkara itu dapat dikaitkan dengan gerakan nasionalisme Melayu yang muncul pada awal abad ke-20.

#### LATAR BELAKANG POLITIK

Ketika itu telah tercetus nasionalisme etnik, selain sudah muncul kesedaran orang Melayu tentang kedudukan ekonomi mereka yang lebih rendah kalau berbanding dengan kaum pendatang, khususnya Cina. Nasionalisme ini sudah berubah menjadi anti-kolonial sejak tahun 1930-an di bawah pengaruh gerakan nasionalisme Indonesia, seperti yang terlihat daripada pembentukan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938 dengan diketuai Ibrahim bin Haji Yaakob untuk menuntut kemerdekaan dengan persatuan dengan Indonesia. Namun, hanya pada tahun 1940-an, tepatnya bermula pada tahun 1945, setelah berakhirnya perang Pasifik dan penguasaan kembali Inggeris daripada penjajahan lamanya, gerakan nasionalis itu menjadi aktif semula. Pada tahun 1946, Inggeris membuat organisasi baru dengan membahagikan Malaysia menjadi dua entiti yang berbeza: Singapura dan Malayan Union, “yang selain negara-negara persekutuan Melayu atau bukan, termasuk dua *settlement* yang lama, iaitu Pulau Pinang dan Melaka” (Fistié 1960: 102).

Dua perkara dalam Malayan Union telah membuat orang Melayu risau: pertama mulai sekarang orang Cina dan India boleh mendapat status kewarganegaraan dengan mudah dan kedua kekuasaan raja Melayu dibataskan mulai sekarang kepada hal ehwal agama Islam dan adat istiadat orang Melayu.

Untuk menunjukkan bantahan mereka kepada hal itu, hampir semua organisasi Melayu telah bersatu padu dan membentuk UMNO (United Malay National Organization) pada 11 Mei 1946 di bawah Dato' Onn bin Ja'afar. Menghadapi permusuhan ini, Malayan Union dibubarkan dengan diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948. Dengan itu, antara lain, perolehan kewarganegaraan menjadi lebih sukar dan raja Melayu mendapat balik kuasa politik yang tertentu. Namun, sistem ini mempertahankan perlindungan Inggeris, maka tidak memuaskan baik orang Melayu atau orang Cina. Reaksi yang paling keras datangnya dari kaum komunis yang berusaha, tetapi tidak berjaya mendirikan Republik Komunis pada tahun 1948, maka menyebabkan diisytiharkan keadaan dharurat. Mulai tahun 1951, Persekutuan Tanah Melayu bergerak ke arah kemerdekaan dengan pengenalan pertama kalinya tentang kerajaan berparliamen. Satu daripada syarat yang diajukan Inggeris untuk penganugerahan kemerdekaan adalah keharmonian etnik. Hal ini dapat dicapai daripada segi politik dengan pembentukan Parti Perikatan. Semasa pilihan raya yang diadakan sebelum kemerdekaan, Parti Perikatan telah mendapat undi majoriti. Ssemasa pilihan raya untuk Kuala Lumpur pada tahun 1952, Parti Perikatan hanya terdiri dari UMNO dan MCA (Malayan Chinese Association) dan semasa pilihan raya persekutuan pada tahun 1955, ahli perikatan itu telah bertambah dengan disertai MIC (Malayan Indian Congress). Kemenangan besar Parti Perikatan dalam pilihan raya yang terakhir ini memungkinkan pembentukan kabinet dengan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dengan menteri-menterinya daripada Parti Perikatan. Namun, orang Inggeris masih memegang jawatan penting (seperti Kementerian Pertahanan). Itu semua adalah langkah penting ke arah kemerdekaan yang tidak lama kemudian telah diperolehi dengan perundingan dengan 31 Ogos 1957 diisytiharkan sebagai hari kemerdekaan (Fistié 1960).

## SASTRA SEJARAH UNTUK PERJUANGAN KEBANGSAAN

Sejajar dengan tempoh kegiatan perjuangan kebangsaan yang gigih itu sudah berlangsung pula suatu bentuk perjuangan kebangsaan yang lain, yang lebih halus dan yang lebih tidak ketara, yang telah dilakukan seniman tertentu melalui karya mereka untuk menajamkan perasaan kebangsaan orang Melayu dan berusaha untuk melahirkan di kalangan mereka keinginan untuk merdeka secara tidak langsung (Li Chuan Siu 1986: 408). Untuk itu, mereka memilih untuk kembali ke hulu, mencari zaman kegemilangan sejarah Melayu, agar dapat membuat pembaca merasa bangga dengan sejarah negara mereka, selain mengingatkan mereka akan kesalahan zaman lampau, lebih-lebih lagi untuk membentuk identiti di kalangan mereka. Kalau mereka pilih terutamanya zaman kesultanan Malaka (abad ke-15-16) dengan wilayahnya pada akhir abad ke-15 itu terbentang di sebahagian besar Malaysia sekarang dan konon berkedudukan di Asia Tenggara sebagai "negara kuasa besar" (Fistié 1960: 21), oleh sebab

kesultanan ini menjadi entiti politik pertama yang betul-betul merdeka di semenanjung. Memang Semenanjung Tanah Melayu sejak munculnya negara feudal lagi sudah berada di bawah kekuasaan asing: kerajaan Funan (abad ke 1-6), kerajaan Sriwijaya di Sumatera (abad ke-7-13) dan kerajaan Majapahit di Jawa (abad ke-13-16). Masa kegemilangan itu, yang terpotong-potong oleh masa krisis dalam negara, telah berakhir pada tahun 1511 dengan jatuhnya Melaka ke tangan Portugis. Zaman ini adalah permulaan zaman pendudukan orang Barat yang panjang. Ia bermula dengan segera Belanda menguasai Melaka pada tahun 1641; selepas itu, Inggeris menguasai sedikit demi sedikit seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura sejak abad ke-18. Pendudukan dari barat itu hanya terputus selama beberapa tahun dengan pendudukan daripada Jepun (1941-1945) yang telah berakhir pada tahun 1957.

Sekarang akan kami kaji beberapa daripada karya sastera Melayu moden yang mendapat ilham daripada *SM* dan *HHT* atau tradisi lisan yang berkaitan dengan karya-karya lain dengan ciri kebangsaan yang amat menonjol.

#### FIKSYEN DAN TEATER SHAHAROM HUSAIN

Shaharom Husain (lahir pada tahun 1919) adalah pengarang penting dengan karya sejarahnya yang mendapat ilham daripada sejarah Malaysia lama pelbagai zaman. Antaranya adalah karya sejarah tentang kesultanan Melaka seperti diceritakan dalam *SM*. Selain terkenal sebagai penulis skrip drama<sup>12</sup>, dia juga pengarang novel. Dia menulis sebahagian besar karyanya pada masa dia mengajar (dari tahun 1946 hingga 1951) di Maktab Perguruan Sultan Idris, sekolah yang didirikan untuk mendidik guru Melayu, maka terkenal dengan semangat kebangsaan mereka, dan sehubungan dengan tentangan terhadap Malayan Union (Shaharom Husain 1996: 277-314). Dia ingin mempolitikkan orang sezamannya melalui novelnya. Untuk itu, dia mengambil watak dari karya sejarah lama, terutamanya *SM* yang boleh dijadikan teladan atau kerana tidak ada peristiwa yang dikehendaki itu daripada yang berlaku masa kini (Shaharom Husain 1996: 283). Melalui novel dan drama pentas sejarahnya, dia berusaha menanamkan semangat perjuangan dalam diri orang Melayu bukan sahaja untuk menggagalkan Malayan Union, tetapi juga untuk melanjutkan perjuangan sehingga Malaysia menjadi seperti dahulu (seperti dalam zaman kegemilangan kesultanan Melaka) negara merdeka dan berdaulat dan untuk mewujudkannya dia hendak mengerahkan perempuan. *10 Julai 1511* (1947), *Tun Fatimah atau Riwayat Perjuangan Ibu Melayu* (1948)<sup>13</sup> dan *Korban Sungai Muar* (1949) adalah tiga novel yang dikarang bersemangat juang itu.

Plot dalam *10 Julai 1511* dan *Korban Sungai Muar* diilhami daripada bab 33 dan 34 dalam *SM* dengan masing-masingnya berlaku semasa Melaka diserang Portugis dan setelah kejatuhannya. Dengan *10 Julai 1511*, Shaharom Husain pertama-tama hendak menunjukkan bahawa untuk menjadi merdeka dan mempertahankannya, persatuan adalah perlu sekali (Shaharom Husain 1996:

277). Maka, pada pendapatnya, kesultanan Melaka ditakluki orang Portugis bukan sahaja kerana kesultanan ini kekurangan senjata yang diperlukan, tetapi juga kerana pembesar di kesultanan ini tidak bersatu padu. Ramai daripada mereka tidak memikirkan kepentingan umum, melainkan kepentingan sendiri, membiarkan diri mereka disogok saudagar Portugis dan India yang memberi mereka emas dan batu permata sebagai pengganti rahsia pertahanan Melaka. Dalam *Korban Sungai Muar*, pengarang menekankan hakikat bahawa banyak orang besar di Melaka tidak bermoral, maka menerima rasuah. Sebaliknya yang menjadi teladan patriot adalah BendaharaTepok<sup>14</sup> (watak yang tidak penting dalam *10 Julai 1511*) yang, walaupun amat tua dan nyanyuk, seperti ditunjukkan nama jolokannya, tepok, yang bererti “lumpuh, tidak berkeupayaan, yang berjalan tempang”<sup>15</sup>, melakukan penentangan dengan berani terhadap Portugis (Shaharom Husain 1996: 280-281). Watak ini dipilih Shaharom Husain sebagai penghormatan kepada salah seorang keturunannya, Dato’ Onn bin Ja’afar yang memimpin penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union (Shaharom Husain 1996: 281)<sup>16</sup>.

*Tun Fatimah atau Riwayat Perjuangan Ibu Melayu* mempunyai watak utama Tun Fatimah dengan riwayatnya yang tragik dan menakjubkan itu seperti yang terdapat dalam *cetera* ke-33 dalam *SM*, terdapat juga sedikit dalam *cetera* ke-34. Dalam *cetera-cetera* ini diceritakan, berdasarkan atas fitnah, Sultan Mahmud Syah menyuruh membunuh semua keluarganya, kecuali seorang anak laki-laki yang masih muda, Tun Hamzah dan dia kemudian mengambil Tun Fatimah sebagai isteri.


Pengarang menerbitkan novel terakhirnya ini semasa diisytiharkan Persekutuan Tanah Melayu sebagai pengganti Malayan Union untuk menjawab seruan Dato’ Onn bin Ja’afar yang meminta kaum perempuan untuk menyertai perjuangan politik yang akan semestinya menuju ke kemerdekaan. Untuk melambangkan perjuangan ini, dia memilih Tun Fatimah, terutamanya oleh sebab puteranya, Sultan Alauddin Riayat Syah yang mendirikan kesultanan Johor untuk menggantikan kesultanan Melaka (Shaharom Husain 1978: vi). Dalam novel ini, dia menunjukkan Malayan Union jatuh tidak sahaja kerana perjuangan lelaki, tetapi juga perempuan. “Perempuan”, katanya dalam novelnya melalui mulut wirawatnya, “juga berhak untuk berkhidmat kepada bangsa, ugama, raja dan tanah air. Sudah sampai masanya dalam zaman dharurat ini perempuan ikut sama bertarung nyawa bersama-sama mempertahankan tanah airnya. Perempuan bukan hanya jadi bunga perhiasan bangsa dan negeri, bahkan pembantu lelaki dalam serba perjuangan. Lebih baik kita mati daripada hidup di bawah perintah orang lain” (ms. 43). Novel ini mengambil secara keseluruhan watak daripada karya sumber mengikut bahagian yang penting dari plot dengan menyimpang daripada banyak segi. Kami akan bincang di bawah ini perbezaan penting antara kedua-dua buah karya ini.

Pengarang itu memberi kepada Tun Fatimah tanggung jawab dan sifat yang baik yang tidak dipunyainya dalam *SM*. Dia orang yang dipercayai bapanya,

Bendahara Seri Maharaja (Tun Mutahir) dan seorang pembimbing bagi semua perempuan Melayu di Melaka. Dia juga seorang patriot yang berani, seorang pejuang yang bersemangat yang menyertai perjuangan dengan berpakaian seorang pegawai muda perjuangan melawan Portugis. Dia juga seorang pembela keadilan. Berlawanan dengan *SM*, dialah yang menangkap salah seorang India, Kitul, yang menyertai komplot melawan bapanya, dan yang melaporkan pelaku lain daripada kejadian yang menyedihkan itu (Syahbandar Raja Mendeliar, seorang India juga, Laksamana Khoja Hasan ...). Dia berjaya meyakinkan Sultan Ahmad untuk mengadili mereka di mahkamah tentera. Dalam *SM*, Sultan Ahmad masih belum menggantikan bapanya, Sultan Mahmud Syah, dan bapanya sendiri yang menjatuhkan hukuman ke atas orang yang bersalah.

Perbezaan lainnya, iaitu dalam novelnya diceritakan unsur khayalan yang tidak ada dalam *SM*. Begitu juga percubaan perkosaan terhadap Tun Fatimah oleh Diego Lopes de Sequeira yang memimpin armada Portugis yang datang untuk berdagang di Melaka. Diego Lopes de Sequeira yang diterima dengan rasa hormat oleh Bendahara Tun Mutahir itu masuk pada malam hari ke bilik Tun Fatimah. Tun Fatimah mendorongnya dan mengancamnya dengan keris. Meskipun Bendahara mendiamkan kejadian ini, de Sequeira memikirkan kejadian itu dengan perasaan geram dan semenjak itu hanya memikirkan satu hal, menyerang dan menakluki Melaka untuk membalas dendam.

Shaharom Husain juga membayangkan orang Portugis adalah penyebab pembunuhan Bendahara Tun Mutahir dan keluarganya. Menurut mereka, berbagai-bagai upaya untuk menaklukkan Melaka terbukti tidak berjaya kerana



GAMBAR 2. Lukisan pertempuran, antara orang-orang Portugis dan Melayu.

(Diambil dari novel Darus Ahmad, *Perang Melaka*, 1957: 11)



GAMBAR 3. Tun Fatimah, Tun Elor, Tun Puteh dan Mak Tipah juga siap berperang.

(Diambil dari novel Darus Ahmad, *Perang Melaka*, 1957: 83)



Bendahara. Maka mereka membuat komplot untuk membunuhnya. Setelah tidak berjaya mengadu domba sebahagian penduduk Melaka untuk melawan sebahagian penduduk yang lain dan melawan pemimpin mereka, mereka menyebelahi pihak orang asing. Mereka memberi emas, wang dan batu permata kepada beberapa orang India untuk membuat mereka mengkhianati negara mereka. Raja Mendeliar termakan umpan ini. Dia memfitnah Bendahara di depan Laksamana Khoja Hasan bahawa Bendahara akan mengambil takhta raja. Laksamana itu melaporkan berita ini kepada Sultan yang menjadi marah lalu menghukum mati Bendahara dan keluarganya. Begitulah Bendahara telah lenyap, dan orang Portugis dengan tenang dapat menyerang Melaka dan menaklукinya.

Beberapa tahun selepas penerbitan novel ini, Shaharom Husain membuat sadurannya untuk teater. Drama pentasnya yang bertajuk *Tun Fatimah atau Rahasia Kejatohan Melaka* itu dipentaskan untuk pertama kalinya di Dewan Sekolah Inggeris Bukit Zahrah di Johor Baharu pada tahun 1953<sup>17</sup>. Pementasan itu amat berjaya. Drama ini menimbulkan kekecohan di kalangan pemerintah yang menyalahkan pengarangnya kerana memasukkan unsur politik ke sekolah. Namun, drama ini tidak dilarang. Shaharom Husain mengakui drama itu mengandungi makna politik. Memang drama ini mengandungi beberapa kritikan ke atas penjajahan, kapitalisme asing dan pengaruh Kristian ke atas Islam. Penulisan fiksiyen bagi Shaharom Husain adalah caranya untuk menceburkan diri dalam tindakan politik tanpa menjadi ahli mana-mana parti atau organisasi (Shaharom Husain 1996: 279).

Drama pentas ini, saduran yang setia kepada novelnya, berakhir dengan kesudahan yang agak berbeza. Tidak ada hal tentang anak lelaki Tun Fatimah yang ditugaskan ibunya dalam novel ini untuk merebut balik kedaulatan Melayu yang telah dirampas Portugis dengan mendirikan kerajaan di Semenanjung Melayu. Drama pentas ini pada kenyataannya berakhir tepat pada masanya setelah jatuhnya Melaka, semasa Sultan Mahmud Syah, Tun Fatimah dan penyokongnya terpaksa undur ke Muar<sup>18</sup>.

Kedua-dua karya terakhir ini dapat dibandingkan dengan *Tun Kudu* (1951), novel Hamdam (1907-1977), seorang pengarang dan juga pejuang kebangsaan. Watak utama dalam novel ini juga seorang perempuan dari SM, Tun Kudu, tetapi peranannya lebih terhad daripada peranan Tun Fatimah. Kisahnya diceritakan sebelum kisah Tun Fatimah dalam *cetera* ke-12 dan ke-13. Dia adalah anak perempuan Bendahara yang diambil Sultan Muzaffar Syah (yang memerintah dari tahun 1446 hingga 1456) sebagai isteri mengikut istiadat. Sultan ini, untuk mengatasi perkecuaan dalam pemerintahannya, memberikan isterinya itu kepada salah seorang bawahannya. Dalam novel ini, Tun Kudu adalah nasionalis teladan untuk memulihkan perdamaian sosial di Melaka dengan mengorbankan diri berkali-kali. Dialah yang menyerahkan dirinya kepada Sultan untuk menjadi isterinya. Masih juga dia yang menawarkan kepada suaminya yang terharu supaya suaminya menyerahkannya kepada salah seorang bawahannya.

Pengarang menjadikan watak yang tidak penting dalam *SM* ini sebagai barang yang berpindah dari tangan seorang lelaki ke lelaki lain, seorang patriot yang bersungguh-sungguh berusaha untuk memulihkan perdamaian di Melaka<sup>19</sup>. Dalam ketiga-tiga karya itu, perempuan berjuang demi tanah airnya; kalau perjuangan Tun Fatimah adalah sebahagian besar yang terjadi di medan perang, perjuangan Tun Kudu terutama sekali adalah di bidang psikologi.

## DUA NOVEL ABDUL SAMAD AHMAD

Novel yang kami kaji sekarang, *Singapura Di-Langgar Todak* (1951)<sup>20</sup>, adalah “berasaskan cerita-cerita mulut orang tua dan daripada buku “Sejarah Melayu”” (kata pendahuluan pengarang dalam novelnya)<sup>21</sup>. Novel ini adalah karya Abdul Samad Ahmad (lahir pada tahun 1913), seorang nasionalis yang mempunyai fikiran yang sama dengan Ibrahim bin Haji Yaakob dan juga aktif dalam Kesatuan Melayu Muda, maka menyebabkannya dipenjarakan selama beberapa waktu (*Wajah* 1988: 24-30). Abdul Samad Ahmad adalah juga orang yang ghairah dengan sejarah dan, khususnya, zaman kesultanan Melaka. Memang, banyak novelnya mendapat ilham daripada *SM* atau tradisi yang berkaitan, seperti *Singapura Di-Langgar Todak*, yang akan diperkatakan di sini, seperti juga *Dosaku* (1950), *Tak Melayu Hilang di Dunia* (1950)<sup>22</sup> dan *Zaman Gerhana* (1976)<sup>23</sup>.

Dengan *Singapura Di-Langgar Todak*, Abdul Samad Ahmad ingin menunjukkan tindakan yang tidak difikirkan dan kejam daripada pemimpin tidak sahaja berkesudahan buruk kepada diri mereka, tetapi juga untuk rakyat yang tidak bersalah (cf. kata-kata pendahuluan). Dia melukiskan gagasan ini melalui kisah yang penuh bahaya dan cabaran Tuan Jana Khatib, Awang Jambul dan Tun Juita, yang diceritakannya, dengan cukup terperinci, seperti yang disajikan dalam *SM*.

Tuan Jana Khatib yang datang ke Singapura untuk mengIslamkan penduduknya itu telah dihukum mati secara tidak adil oleh raja negara ini. Setelah hukuman mati itu, ikan todak raksasa mula menyerang negara ini. Begitu juga hukuman mati ke atas Awang Jambul<sup>24</sup> berdasarkan tuduhan yang salah yang dilemparkan orang besar di kerajaan ini yang mempunyai rasa cemburu, khususnya menteri kewangan, Sang Rajuna Tapa, maka menimbulkan akibat serius. Anak ini padahal telah banyak berjasa kepada negara, kerana dapat menyelamatkan negara dari serangan ikan todak dengan mencadangkan didirikan dinding daripada pokok pisang agar kalau ikan itu meloncat, rahangnya yang berbentuk pedang itu akan tercacak pada batang pokok pisang (cf. Gambar 4). Bila raja mendengar anak itu tidak bersalah dan Sang Rajuna Tapa, bapa daripada salah seorang gundiknya, menyertai komplot itu, dia meninggal dunia. Sang Rajuna Tapa tidak dihukum atas kejahatannya, tetapi anak perempuannya yang menebus kesalahannya. Oleh kerana cemburu, gundik Iskandar Syah, anak lelaki mendiang raja yang digantikannya itu menuduh secara tidak adil gundik




GAMBAR 4. Suatu muslihat untuk membersihkan Singapura daripada todak-todak raksasa. (Diambil dari novel A. Samad Ahmad, *Singapura DiLanggar Todak*, 1951?: 64)

kesayangannya, Tun Juita<sup>25</sup>, puteri Sang Rajuna Tapa, mempunyai kekasih. Sultan menghukumnya dengan hukuman sula. Bapanya merasa amat malu sehingga untuk membalas dendamnya, dia membuka pintu bandar untuk tentera Majapahit yang menakluki Singapura [kenyataannya, Singapura tidak ditakluki orang Jawa, tetapi oleh orang Siam; cf. Chambert-Loir 2005:137]. Dia akhirnya menebus dosanya kerana, ketika rakyat mengetahui pengkhianatannya, dia dikejar, begitu juga isterinya: suami isteri ini tidak mempunyai pilihan lain kecuali terjun ke dalam sungai.

Abdul Samad Ahmad, telah dikatakan tadi mendapat ilham terutamanya daripada *SM*, tidak banyak daripada *HHT* dan tradisi lisan yang berkaitan. Ini terjadi dengan novelnya *Laksamana Tun Tuah* (1954)<sup>26</sup> (Gambar 5) yang juga mengambil ilhamnya daripada *SM*<sup>27</sup>. Novel ini nampaknya ditujukan kepada pemuda kerana diterbitkan dalam “*siri perpustakaan sekolah*” Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel ini menceritakan kehidupan Hang Tuah dengan menekankan sifat kepahlawanannya sambil mengikut pelbagai episod daripada *HHT*. Ia melukiskan masa kanak-kanaknya, cara dia mula berkerja untuk Sultan, pelbagai tugas yang dilakukannya (dia menemani Sultan yang pergi ke Majapahit untuk mengahwini anak perempuan raja; dia pergi ke Pahang dan membawa balik Tun Teja, anak perempuan Bendahara, yang akan dikahwini Sultan); dia menceritakan fitnah yang dilontarkan kepadanya, hukuman matinya, pertarungan dengan Hang Jebat, dan kematiannya setelah pengembaraan yang

dilakukan untuk melamar Puteri Gunung Ledang untuk Sultan. Dimasukkan dalam novel ini beberapa tradisi lisan berkenaan perigi Hang Tuah yang tidak jauh dari masjid Bukit Duyong<sup>28</sup> dan sebab kematiannya.

Menurut istiadat yang diceritakan dalam novel ini, perigi Hang Tuah, berbeza dengan perigi lain: ia berair meskipun dalam musim kemarau. Diceritakan Hang Tuah datang ke situ untuk berwuduk sebelum sembahyang. Diceritakan pula seorang perempuan Cina kaya mungkin telah memperbaiki perigi itu setelah bermimpikan seorang lelaki tua memintanya untuk membakar kemenyan dekat perigi itu, dan sejak itu airnya mempunyai kemampuan untuk menyembuhkan orang sakit. Maka perigi itu menjadi tempat ziarah bagi orang Melayu dan Cina, terutamanya perempuan. Berkenaan sebab kematian Hang Tuah, dikatakan antara lain orang Portugis telah melemparkannya ke dalam lubang di tengah-tengah istana, maka kehilangannya itu dipenuhi misteri, dan dia masih hidup. Beberapa orang bahkan mengatakan telah menjumpainya<sup>29</sup>.



GAMBAR 5. Sampul novel Abd. Samad Ahmad  
(alias Abdul Samad Ahmad),  
*Laksamana Tun Tuah* (1954?)

## SENI FILM MEMBUKA PINTU BAGI PAHLAWAN HANG TUAH

Seni filem Malaysia yang terbit pertama kalinya pada tahun 1933 di Singapura itu terdiri daripada banyak filem yang diilhami *SM* dan *HHT* atau daripada tradisi lisan yang bersangkutan. Namun, filem itu terutamanya yang dihasilkan setelah kemerdekaan dan, khususnya, dalam tahun 1960-an. Hal ini dapat diterangkan dengan kenyataan bahawa pada mulanya, penerbit filem itu sebahagian besar orang Cina dengan pengarahnya orang India. Hanya sejak tahun 1960-anlah, mereka secara bertahap diganti orang Melayu.

Setahu kami, satu-satunya filem dari genre ini yang dihasilkan sebelum kemerdekaan adalah *Hang Tuah* (1956). Ia diterbitkan Malay Film Production (MFP) dari Shaw Brothers. Phani Majumdar, orang India, adalah pengarahnya dengan P. Ramlee (1929-1973), orang Melayu, memegang peranan utama. P. Ramlee kemudian menjadi *maskot* seni filem Malaysia. Dia terutamanya adalah penggubah muzik dan penyanyi, selain mempunyai pelbagai bakat: pelakon filem (dia berlakun untuk pertama kalinya dalam *Cinta*, 1948), baik dramatik atau komedi, penulis senario dan pengarah (filem pertama yang diarahnya adalah *Penarek Beca*, 1955). Filem *Hang Tuah* juga mengandungi banyak nyanyian dan tarian. P. Ramlee yang mencipta muzik dan lagu yang dia nyanyikan. Untuk hal ini, filem itu menerima hadiah di Festival Sinema Asia (Ahmad Sarji 1999: 18-327).

*Hang Tuah*, yang nampaknya memperolehi beberapa kejayaan itu telah dipertunjukkan di Indonesia dan negara lain, seperti Thailand dan juga beberapa negara Timur Tengah dan Jerman. Di Indonesia, pengkritik banyak memberi perhatian kepada filem ini, kerana orang Indonesia waktu itu juga ingin membuat filem dengan tokoh ini. Pengarang dan wartawan Rosihan Anwar, misalnya, menerbitkan dalam akhbar *Harian Patriot*, sebuah artikel yang tidak memuji filem ini. Dia tidak bersetuju dengan “Hang Tuah yang menyanyi” (*the singing Hang Tuah*) (Ahmad Sarji 1999:80). Dia juga tidak bersetuju dengan caranya dipertunjukkan orang Jawa bekerja untuk Sultan Melaka: orang jahat, tidak jujur, selalu menipu orang Melayu. Untuk alasan terakhir ini, dia bahkan mencadangkan supaya filem itu dilarang di negaranya (*ibid.*).

Filem ini adalah saduran yang agak setia kepada *The Adventures of Hang Tuah* (1949) daripada M.C. Sheppard yang berdasarkan *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu*, dengan perincian hasil dari rekaan (Van der Heide 2002: 176-177). Filem ini mengikut sebahagian besar kronologi peristiwa dari bahagian pertama *HHT*. Namun, boleh dijumpai beberapa perbezaan. Antara yang paling utama adalah pengenalan Melur, sorang watak perempuan, dan orang asli, yang tidak ada dalam saduran. Hang Tuah berjumpa Melur ketika dia dan temannya pergi mencari ilmu kepada seorang arif Adi Putera yang tinggal di Gunung Ledang<sup>30</sup>. Perempuan itu segera jatuh cinta kepadanya. Dia adalah anak perempuan angkat dari seorang asli dan pembantu Adi Putera. Nasibnya telah berubah menjadi tragik. Datang ke Melaka untuk bertemu Hang Tuah yang sedang tidak ada di tempatnya (kerana bertugas ke Pahang untuk membawa Tun Teja ke Sultan yang akan mengambilnya sebagai isteri), dengan hasutan beberapa orang besar. Antaranya orang Jawa yang bekerja untuk Sultan. Melur diculik dan dikurung dalam harem. Ketika menari di depan orang besar, dia menarik dari rambutnya sebuah sisir yang berbentuk bulan sabit yang sebenarnya adalah sebuah pisau dan menancapkannya ke dalam leher orang Jawa itu. Seorang jaga segera bertindak dan menancapkan tombak kepadanya. Dia mati dengan mengucapkan nama Hang Tuah.

Perbezaan lain yang perlu ditunjukkan dalam *HHT* juga banyak. Dari satu segi, filemnya (seperti sadurannya) menyajikan Hang Jebat dari segi yang baik. Memang, Hang Tuah selama pertarungan di istana memukul Hang Jebat hingga mati. Hang Jebat dengan demikian tidak dapat seperti dalam karya lama, di mana dia hanya luka-luka, mengamuk di kalangan orang ramai dan membunuh orang dalam jumlah yang besar. Sebaliknya, setelah menancapkan kerisnya di perut Hang Jebat, seperti dalam *HHT*, Hang Tuah pulang ke rumahnya. Di sini, berbeza dengan karya yang lama, dia mula meragui kebenaran perbuatannya seperti yang ditunjukkan pertanyaan yang dia ajukan ketika itu, iaitu: “Siapakah benar: Jebatkah yang benar atau ku yang benar?” Ayat ini yang terakhir dalam filem itu memberi pertanda adanya penafsiran baru tentang peranan Hang Jebat yang diperkenalkan penulis skrip drama setelah kemerdekaan, penafsiran yang kadang juga diambil balik oleh seni perfileman (*Hang Jebat* 1962).

#### KARYA-KARYA MODEN YANG TERBIT SEJAK KEMERDEKAAN

Setelah kemerdekaan, pengarang Melayu terus mencari ilham dari *SM* dan *HHT*. Seperti sebelumnya, mereka ingin menyampaikan kepada teman senegerinya mengenai maklumat masa lalu untuk mendorong mereka mengambilnya sebagai pelajaran. Mereka berusaha untuk membuat mereka merasa bangga dengan sejarah lampau dengan mengingatkan mereka kepada kesalahan yang telah diperbuat agar tidak mengulangnya di masa depan, sebab kesalahan itu dapat mengancam kedaulatan mereka (Nanney 1994: 446-447). Begitu juga, antara tokoh-karya lama, mereka selalu menunjukkan kesukaan yang terutamanya untuk perempuan.

Akibatnya, pengarang itu juga lebih memaksakan tuntutan mereka. Dengan adanya konteks nasional yang baru yang disebabkan perolehan kemerdekaan itu, banyak daripada mereka menuduh konsep feodal masyarakat Melayu tradisional dan mencadangkan masyarakat baru berdasarkan prinsip demokrasi. Penafsiran balik peranan Hang Tuah dan Hang Jebat sangat bermakna dalam hal ini. Hang Tuah yang dilukiskan dengan kepatuhannya yang membuta kepada raja bukan lagi, menurut mereka, pahlawan yang tidak boleh dipertikaikan. Hang Jebat tidak lagi ternoda dengan panggilan derhaka. Dia, sebaliknya, dipandang sebagai penjelmaan keadilan. Konsep seperti ini terutamanya yang disajikan dalam lakunan yang dihasilkan pada akhir tahun 1950-an dan pada tahun 1980-an<sup>31</sup>. Kami perkatakan di bawah ini beberapa karya yang mewakili kecondongan yang baru disebut ini<sup>32</sup>.

#### FAEDAH MASA LAMPAU UNTUK PEMBANGUNAN MASA DEPAN

*Dang Anum* 1958) (dalam tulisan Jawi, Gambar 6) adalah tajuk novel Mas Bakhtiar [alias Ahmad Bakhtiar (1902-1961)]<sup>33</sup> yang diilhamkan daripada *cetera*

ke-10 dalam *SM*. Kita boleh mengambil pelajaran dari cerita yang dia ceritakan, yang secara keseluruhannya lebih dekat dengan aslinya, pelajaran untuk masa depan, iaitu kesalahan dan kekejaman orang yang bertanggungjawab (pemimpin, bapa, suami...) yang telah membawa akibat yang tidak sahaja menimpa orang itu, tetapi juga orang yang tidak bersalah. Inilah yang hendak ditunjukkan cerita Dang Anum, gundik kesayangan Raja Iskandar Syah di Singapura dan anak perempuan Menteri Kewangannya, Sang Rajuna Tapa. Disebabkan kecemburuan, lain-lain gundik raja, dengan tidak adil menuduhnya telah berzina, dan raja, tanpa memeriksa tuduhan ini, menyulakannya. Untuk membalas dendamnya, bapanya membuka pintu bandar untuk tentera Majapahit menyerang Singapura. Dalam cerita ini, raja membuat kesalahan besar kerana menghukum orang dengan hukuman kejam tanpa pemeriksaan apakah dia bersalah atau tidak. Kesalahan ini telah mendatangkan akibat yang mengerikan dirinya, sebab negaranya telah ditakluki, dan orang yang tidak bersalah seperti Dang Anum dan rakyat seluruhnya. Akan kita lihat novel ini adalah amat dekat kepada *Singapura Di-Langgar Todak* (1951?) yang telah disebut sebelum ini. Namun, pengarang hanya memusatkan perhatiannya kepada cerita anak perempuan Sang Rajuna Tapa yang dipanggil Tun Juita dalam *Singapura Di-Langgar Todak*. Begitu juga, pelajaran yang boleh kita ambil daripada kedua-dua novel ini adalah sama.

Kesalahan yang dibuat Tun Hamzah dalam lakunan Hassan bin Ibrahim (lahir pada tahun 1938) *Tragidi Tun Hamzah* (1964) adalah semacam itu. Dia membunuh isterinya berdasarkan tuduhan yang salah yang dilemparkan kepada isterinya itu dan setelah mengetahui kebenarannya, dia membunuh diri. Lakunan ini mengambil Tun Hamzah sebagai watak utama, satu-satunya orang yang terhindar dari pembunuhan keluarga Tun Fatimah yang diperintah Sultan Mahmud Syah. Sultan ini memperisterikan Tun Fatimah supaya keluarga ini tidak musnah sama sekali, mengangkat Tun Hamzah (cf. *SM, cetera* 33 : 195). Lakunan ini menceritakan bagaimana Tun Hamzah, setelah mimpi berjumpa dengan bapanya, yang dengan tidak adil dijatuhkan hukuman mati, dan ibunya, yang dipaksa kahwin dengan Sultan Mahmud Syah setelah suaminya meninggal, membunuh Sultan dan Laksamana Hassan (Laksamana Khoja Hasan, mungkin) untuk membalas dendam, kemudian memperisterikan Tuan Puteri. Maka Raja Muda membuat keputusan, sebagai balas dendam untuk membunuh yang bertanggungjawab dalam pembunuhan, tetapi atas rayuan daripada puteri Sultan, akhirnya tidak membunuhnya. Berdasarkan tuduhan yang tidak benar daripada Temenggong yang menurut mereka puteri Sultan adalah perempuan simpanan Raja Muda, Tun Hamzah mencekik isterinya. Setelah mengetahui kesalahannya kerana diberitahu Raja Muda, Tun Hamzah membunuh diri (Nur Nina Zuhra 1992: 54-56). Lakunan ini mengandungi sedikit unsur dari episod *SM*. Bapa Tun Hamzah memang telah dibunuh atas perintah Sultan Mahmud Syah, Tun Hamzah memang telah terhindar dari pembunuhan dan Laksamana (Khoja) Hasan memang adalah salah seorang pelakun pakatan yang melakukan



GAMBAR 6. Sampul novel Mas Bakhtiar  
(alias Ahmad Bakhtiar), *Dang Anum*, 1958 (dalam tulisan Jawi)

pembunuhan ini. Namun, Sultan tidak memperisterikan ibu dari Tun Hamzah, tetapi Tun Fatimah, dan Tun Hamzah tidak memperisterikan puteri Sultan. Tentang pembalasan dendam Tun Hamzah, tema utama lakunan ini, tidak dijumpai dalam *SM*. Sekali lagi, pengarang mungkin telah mencari ilham dari tradisi lisan dan kami tidak mempunyai bukti yang boleh membenarkannya.

Dalam novel *Tun Biajid, Anak Hang Tuah* (1966), pengarangnya Ibrahim Mahmood, mengambil pelajaran dari kesalahan masa lampau dengan membesar-besarkan cerita seputar dua episod *SM* yang terjadi di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Yang pertama berkenaan putera Hang Tuah, Tun Biajid, yang diperlakukannya sebagai watak utama. Isteri Tun Biajid setelah dinodai Sultan Mahmud Syah. Setelah menceraikannya, Tun Biajid tidak lagi mahu bekerja untuk Sultan (*SM, cetera* 26:143-144). Yang kedua adalah berkenaan Puteri Gunung Ledang. Sultan Mahmud Syah meminangnya. Puteri itu menerima pinangan itu dengan beberapa syarat. Sultan Mahmud Syah dapat memenuhi semua syarat itu, kecuali yang terakhir: memberinya mangkuk yang diisi darah puteranya (*SM, cetera* 27: 160-161).

Pengarang itu menceritakan yang berbeza dengan Sultan sebelumnya yang membuat Melaka menjadi lebih besar, Mahmud Syah mempercepat kejatuhan kerajaan. Antara sebabnya adalah wataknya yang tidak bermoral, selain kelakuannya yang keji. Dia menggoda setiap wanita yang cantik, baik yang telah berkahwin atau tidak, termasuk isteri Tun Biajid. Dia membayangkan sekumpulan lelaki yang isteri mereka telah dinodai Sultan itu berkumpul di rumah Tun Biajid untuk mengambil tindakan membalas dendam bersama-sama. Setelah pertemuan ini, khabar angin tentang kecantikan Puteri Gunung Ledang



di Gunung Ledang yang tersebar di Melaka itu telah sampai ke telinga Sultan yang hendak meminangnya. Untuk itu, dia menghantar utusan dengan dipimpin Tun Mamat dan diiringi Hang Tuah dan Sang Setia yang sudah lanjut usia masa itu. Puteri ini adalah rekaan Tun Mamat dengan tujuan memberi kesedaran kepada Sultan supaya dia “jangan menganiaya jenis yang lemah lembut itu” (ms. 76)<sup>34</sup>. Perjalanan itu panjang dan sukar. Hang Tuah dan Sang Setia yang tidak mengetahui tipu daya ini tidak mempunyai kekuatan untuk mendaki sampai ke puncak gunung. Hanya Tun Mamat dapat meneruskan perjalanan itu dan pulang menceritakan kepada Sultan bahawa Puteri itu mahu diperisterikan dengan beberapa syarat. Sultan dapat memenuhi syarat itu, kecuali yang terakhir, yang berupa pemberian semangkuk darah puteranya, Sultan Ahmad. Sepulang dari ekspedisi ini, Hang Tuah jatuh sakit lalu mati; Sultan menyuruh mayatnya dikuburkan di tepi laut di Tanjong Keling. Dalam *SM* (akhir dari *cetera* ke-28: 164), tidak dikisahkan Hang Tuah mati sepulang dari ekspedisi ke Gunung Ledang, walaupun terjadi sesudahnya. Hal ini disebut sepintas lalu “Syahdan, akan Laksamana Hang Tuah pun kembalilah ke rahmatullah. Maka oleh Sultan Mahmud ditanamkan di Tanjung Keling dengan sepenuh-penuh adat dianugerah. Tiga hari baginda tiada nobat”.

Dalam novelnya, pengarang itu menganggap Tun Biajid telah melakukan perbuatan yang tidak disebut dalam *SM*. Dengan askar ketumbukan tentera yang dia asaskan, iaitu Setia Negara, dia berjaya menahan serangan Portugis. Orang Melayu terus-menerus berjuang walaupun setelah Melaka jatuh dengan askar Portugis mengejar Sultan Mahmud dan Ahmad di banyak tempat yang mereka bertapak. Pengarang itu telah memberi kepada Tun Fatimah peranan yang lebih besar daripada yang disandangnya dalam *SM*. Dia mendesak Sultan Mahmud Syah agar tidak menyerah diri seperti Sultan Ahmad<sup>35</sup>. Akhirnya, Sultan Alauddin Riayat Syah, putera Tun Fatimah dan Sultan Mahmud Syah, yang menurut kehendak ibunya, telah mendirikan Johor setelah ibunya mati. Dalam *SM*, Tun Fatimah bertahan dengan sedaya upaya. Agar Sultan Mahmud Syah dapat menerima perlantikan puteranya sebagai pengganti, dia melakukan keguguran setiap kali dia mengandung. Dia hanya berhenti menggugurkan kandungannya setelah suaminya berjanji untuk melantik puteranya nanti sebagai pengganti. Putera itulah yang menjadi Sultan yang pertama di Johor.

Kita kembali sekali lagi kepada peristiwa yang diceritakan dalam *Tun Biajid, Anak Hang Tuah* sepuluh tahun kemudian pada tahun 1976 dalam karya *Zaman Gerhana*<sup>36</sup> oleh A. Samad Ahmad (alias Abdul Samad Ahmad). Pengarang ini telah berusaha untuk mendekati kebenaran sejarah, kerana novel ini bukan sahaja berdasarkan *Sejarah Melayu*, tetapi juga pengajian dan sumber barat, seperti *Suma Oriental* oleh Tomé Pires (Mohamad Saleeh Rahamad, 2005: 95). Di sini, sekali lagi pengarang itu menunjukkan kepada orang sezamannya bahawa kesalahan orang yang lebih tua boleh dijadikan pelajaran (*Ibid*: 103).

Novel ini menceritakan juga tindakan buruk di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah, kejatuhan Melaka, pelarian Sultan dan pengikutnya dan

perlawanan orang Melayu. Demikianlah maka Hang Tuah yang sudah tua, mati setelah melakukan ekspedisi ke Gunung Ledang; Sultan Alauddin Riayat Syah mendirikan Johor untuk menghormati wasiat ibunya, Tun Fatimah; tentera Setia Negaradari Tun Biajid meneruskan penentangan setelah Melaka jatuh. Sebaliknya, Tun Fatimah bukanlah seperti yang diceritakan dalam *Tun Biajid, Anak Hang Tuah*, seorang pejuang yang mengangkat senjata, tetapi, seperti dalam *SM*, seorang perempuan yang berjuang dengan caranya sendiri supaya keturunannya memegang tampok pemerintahan.

#### KEMUNCULAN WATAK UTAMA JENIS BARU DALAM KESUSASTERAAAN DAN LAYAR PERAK

Drama pentas yang pertama yang diterbitkan setelah kemerdekaan itu meninjau kembali pandangan baru tentang watak utama dalam *HHT* adalah *Hang Jebat Menderhaka* (1960) karya Ali Aziz. Hang Jebat ditampilkan dengan lebih menarik. Sebaliknya, Hang Tuah tidak lagi dianggap tokoh yang gagah berani, iaitu pahlawan seperti dalam drama pentas Alwi bin Sheikh Alhady yang terbit sebelum kemerdekaan, *Pahlawan Melayu* (1942). Di situ, Hang Jebat disebut dengan “sikapnya sebagai seorang individu; dia ingin bertanggungjawab akan segala perbuatannya dan dia juga ingin memainkan peranannya dalam menentukan untung nasibnya” (Nanney 1994: 447). Sikapnya itu moden dan individualis. Sebaliknya, Hang Tuah tetap setia seperti dalam karya lama: tokoh yang tidak dapat menguasai kehidupan sendiri. Maka, walaupun Hang Jebat adalah temannya, dia mahu bertarung dengannya, kerana, sebagai pembantu Sultan, dia harus patuh. Sebagaimana dalam *HHT*, dia tidak kehilangan perasaan cinta dan hormat kepada Hang Jebat, bahkan lebih besar lagi dalam drama pentas ini, kerana daripada membiarkan mayatnya di tengah-tengah jalan, dia suruh menanamnya secara terhormat menurut kebiasaan bagi pahlawan yang gugur di medan perang.

Perbezaan lain adalah tentang peranan penting yang diberi kepada isteri Hang Tuah. Setelah prolog yang menandakan peristiwa penting yang akan berlaku, drama pentas ini dibuka dengan adegan wirawati bercakap. Adegan ini adalah sebelum pertarungan itu berlangsung di rumah Hang Tuah yang bercakap dengan wirawati tentang Hang Jebat. Wirawati boleh dipandang sebagai jurucakap penafsiran baru daripada karya lama. Dia membela Hang Jebat. Dalam matanya, Hang Jebat adalah seorang pengasih. Dia memberontak kerana perasaan sayang kepada temannya, Hang Tuah. Hang Jebat adalah satu-satunya orang yang menolong mereka, isteri Hang Tuah dan anak-anaknya, ketika isterinya ini percaya Hang Tuah sudah mati. Dia menyalahkan juga suaminya yang tunduk kepada Sultan yang kejam. Hang Tuah kelihatan dalam adegan ini sebagai tidak berperasaan, dingin dan percaya kepada kebenaran perintah Sultan untuk membunuh Hang Jebat yang dia sendiri anggap sebagai penderhaka dan telah mencabar kekuasaan Tuannya. Menurut Tuannya itu, Hang Jebat tidak

memberontak untuk membalas dendam, tetapi kerana hawa nafsu, untuk memiliki isteri Sultan<sup>37</sup>. Maka dengan demikian, tanpa perasaan apapun dia datang ke istana untuk bertarung dengan temannya..

Ada sebuah saduran untuk filem daripada drama pentas ini, iaitu *Hang Jebat* (1962), sebuah filem oleh Hussein Haniff (filemkita.com) yang diterbitkan Cathay-Keris Film. Saduran ini setia kepada drama pentasnya, maka menggunakan penafsiran peranan Hang Jebat yang baru, sebagai pembela keadilan dan bukan pengkhianat. Filem ini diterbitkan dalam masa banyak filem lain telah mendapat ilham daripada *SM* dan *HHT* atau tradisi lisan yang berkaitan. Dalam tahun 1961 terutamanya, banyak menghasilkan filem seperti ini. Selain *Hang Jebat*, kita boleh kutip filem seperti *Tun Teja*<sup>38</sup>, *Puteri Gunung Ledang* (1961) dan *Tun Fatimah* (1962)<sup>39</sup>.

Sebuah drama pentas lain yang ditulis dengan pandangan yang sama dengan *Hang Jebat Menderhaka* adalah karya Usman Awang, *Matinya Seorang Pahlawan (Jebat)* (1961). Drama pentas ini mengandungi, seperti yang sebelumnya, pertarungan yang ada dalam *HHT*, Hang Jebat adalah pahlawan dan tidak dipandang sebagai penderhaka. Seperti sebelumnya, sebuah prolog telah memperkenalkan plotnya, tetapi tidak diawali di rumah Hang Tuah melainkan di istana, di bilik Sultan dan isteri Hang Tuah bukan sebuah watak. Di dalam bilik, isteri-isteri Sultan menari-nari dan menyanyi di depan Hang Jebat. Seorang isteri itu, Dang Wangi (dipanggil Dang Baru dalam *HHT*), telah lebih menarik perhatian Hang Jebat. Lagipun kedua-duanya saling jatuh cinta. Dang Wangi adalah “simbol penindasan kuasa feodal ke atas kaum wanita” (Nanney 1994 : 448). Seperti Hang Tuah, Dang Wangi tunduk kepada Sultan dan korban dari ketidakadilan (*ibid*: 448-449).

Dalam kedua-dua buah drama pentas ini, sifat watak utama adalah berbeza. Ali Aziz telah berusaha untuk membuat Hang Jebat mengharukan dan menyenangkan. Usman Awang tidak berusaha untuk mengharukan. Dia hanya ingin menunjukkan Hang Jebat adalah teguh dalam keyakinannya. Menurutnya, hanyalah pembelaan keadilan yang bererti dan dia tidak mempunyai rasa menyesal sama sekali (Nanney 1994: 451). Maka, akhirnya, ketika Hang Tuah telah melukakan Hang Jebat dan Hang Jebat setelah membalut luka-lukanya, walaupun khalayak ramai membencinya, menyatakan di hadapan khalayak ramai ini bahawa dia menumpahkan darahnya dengan senang hati demi keadilan<sup>40</sup>.

Sejak tahun 1970-an, dengan tetap memakai konsep yang baru ini tentang tokoh Hang Jebat, beberapa pengarang lain telah menempatkan cerita pertarungan antara kedua-dua watak utama dalam konteks kontemporari. Inilah yang dinamakan “teater eksperimental”<sup>41</sup> yang sesuai dengan fasa ketiga dari sejarah teater Malaysia. Yang pertama adalah fasa “sandiwara” yang mengandungi banyak sekali drama pentas sejarah, dan yang kedua adalah fasa drama moden yang diperkenalkan dalam tahun 1960-an dengan watak dan peristiwa khusus kontemporari (Nur Nina Zuriah 1992: 196). Kita kembali

kepada teks-teks lama ini yang boleh dihubungkan dengan kehura-haraan etnik pada 13 Mei 1969 yang berlaku selepas pilihanraya umum, dan dengan pelaksanaan politik baharu. Setelah berakhirnya kehuru-haraan itu untuk memulihkan kerukunan etnik, sebuah ideologi nasional telah diwujudkan (Rukunegara), dibuat program sosial dan ekonomi. Orang ramai dilarang membincangkan pemerintahan dan kedudukan penguasa negeri-negeri Malaysia, hak istimewa orang Melayu, kewarganegaraan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi, pelbagai keperihalhan yang pada masa itu disebut sebagai “peka” (Watson Barbara Andaya 1982: 281, 291). Begitu juga dengan “semua perlawanan politik telah dibungkam” (*all effective political opposition had been silenced or muted*) (*Ibid*: 292). Di bidang kebudayaan, misalnya, penulis skrip drama dinasihati untuk kembali kepada karya lama. Mereka memakai karya lama untuk mengkritik tanpa terlalu banyak risiko tentang keadaan kontemporari (Helen Musa 1989: 41). Mereka memakai semacam teknik mengkritik pengarang zaman kolonial, tetapi berbeza dengan mereka, mereka menempatkan tokoh zaman dahulu dalam zaman sekarang. Perintis teater eksperimental itu adalah Dinsman dengan drama pentasnya yang setengah-muzikal, *Jebat* (1973). Johan Jaaffar, Hatta Azad Khan dan Mana Sikana juga menulis drama pentas seumpama itu. Akan diberi di bawah ini dua contoh: *Jebat* (1973) oleh Disman dan *Kotaku Oh Kotaku* (1987) oleh Johan Jaaffar.

Dalam kedua-dua buah drama itu, kecuali beberapa watak karya lama, watak-watak mereka tidak bernama. Mereka adalah pelbagai kelompok sosial yang biasanya dicemuh dan pihak yang berkuasa. Dalam *Jebat*, pelbagai kelompok ini adalah, antara lain, pelacur, orang miskin dan perompak. Mereka sedang mencari seorang pembela keadilan dan kebenaran yang dapat mengubah dunia. Orang itu adalah Jebat. Dia menyalahkan pemerintah kerana ketidakadilannya yang banyak: penindasan ke atas golongan bawah, meningkatnya kemiskinan, pelacuran, kejahatan, orang muda dibiarkan, ketidakadilannya yang paling besar adalah hukuman mati yang dijatuhkan ke atas Hang Tuah untuk kejahatan yang pura-pura. Dia memberontak melawan pemerintah dan menggantikan pemerintah. Hang Tua datang, bertarung dengan Hang Jebat dan melukakannya dengan parah. Hang Jebat kemudian mengamuk di tengah-tengah orang ramai untuk membangunkan dan menyedarkan orang itu akan ketidakadilan yang Hang Tuah adalah korbannya. Setelah kematian Hang Jebat, pesannya itu akhirnya didengar. Rakyat yang sekarang meresapi semangat Hang Jebat akan melawan ketidakadilan di bawah pimpinan Dang Wangi (Nur Nina Zuriah 1992: 175, 176, 197).

Dalam *Kotaku Oh Kotaku*, kelompok yang dihina adalah orang bandar di Kuala Lumpur. Mereka diwakili pemungut sampah, penyapu jalan dan pelacur. Semua mereka yakin untuk membuat kerja yang sangat diperlukan. Seorang asing datang mencadangkan supaya mereka bersatu. Orang asing itu bernama Jebat. Dia bukan, katanya kepada mereka, Jebat pada masa feudal, tetapi pada

masa moden, ciptaan Dinsman (“Bukan Jebat zaman feudal itu! Tapi aku adalah Jebat moden ciptaan Dinsman!”) (*1400. Antologi Drama Kontemporari* 1989: 150). Adalah seorang militan sosial yang mendorong tiga orang pekerja untuk melancarkan mogok untuk menentang pembangunan lapangan sepak bola, kolam renang dan stesyen radio di tempat mereka tinggal. Bandar ketika itu menjadi amat kotor sehingga banyak orang jatuh sakit. Beberapa orang daripadanya seperti Jebat telah mati. Berasa bertanggungjawab atas kematiannya dan sedar akan kesalahan yang dilakukannya terhadap rakyat, ketiga-tiga pekerja itu menghentikan mogok. Baik orang yang sihat atau yang miskin dan orang golongan atasan telah datang untuk membantu mereka membersihkan semuanya (Nur Nina Zuriah 1992: 176-178). Dalam drama pentas yang mengandungi satira ini, pengarangnya mengkritik perancangan bandar yang menguntungkan pembangunan yang mewah, seperti hotel besar dan tempat tinggal mewah, dengan mengorbankan orang miskin, dan menunjukkan semua orang, kaya dan miskin, bersalah dan tidak bersalah, harus bersatu untuk terus hidup<sup>42</sup> (*ibid*: 178).

#### WIRAWATI DENGAN PERANAN MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KESINAMBUNGAN

Setelah kemerdekaan, watak perempuan dalam *SM* dan *HHT* (acap kali watak yang dipakai selama masa sebelumnya), terus mengilhamkan pengarang. Boleh disebut, misalnya, novel *Dang Anum* (1958), filem *Tun Teja* (1961), *Puteri Gunung Ledang* (1961), *Tun Fatimah* (1962), *Puteri Gunung Ledang*, *Cerita Cinta Agung* (2004), kumpulan puisi *Balada Tun Fatimah* (1986), *Bangsawan Tun Fatimah* (2004) dan *Drama Tarian Hang Li Po*<sup>43</sup> (awal tahun 1960-an). Tokoh-tokoh ini tidak dipakai untuk tujuan kebangsaan, tetapi peranan mereka nampaknya tidak berubah dibanding dengan peranan dalam karya sebelum kemerdekaan. Dalam ketiga-tiga buah karya yang dikaji di bawah ini, kami dapati misalnya peranan sebagai korban (*Balada Tun Fatimah*), pembela keadilan (*Bangsawan Tun Fatimah*), dan percintaan (*Puteri Gunung Ledang*, *Cerita Cinta Agung*).

*Balada Tun Fatimah* adalah karya penyair perempuan Zaihasra (lahir 1951). Penyair ini menulis sajaknya dalam rangka sayembara sajak yang diselenggarakan Gabungan Penulis National (GAPENA) dan Bank Bumiputra. Dia mendasarkan sajak-sajaknya pada versi-versi *SM* oleh W.G. Shellabear (1896) dan oleh A. Samad Ahmad<sup>44</sup> (1979) begitu juga pada novel A. Samad Ahmad, *Zaman Gerhana* (1976). Dia juga mencari ilhamnya dari tradisi-tradisi lisan (pendahuluan dari pengarang).

Dalam karya ini, Zaihasra menceritakan sejarah tragik Tun Fatimah dan kesultanan Melaka dalam dua belas sajak (sajak-sajak bebas). Dalam beberapa sajak, sebaliknya daripada *SM*, Tun Fatimah menceritakan sendiri peristiwa tragik yang dia menjadi korbannya. Dia mengatakan, misalnya, pembunuhan

keluarganya ““Tun Mutahir, ayahanda tercinta/Tun Hassan Temenggong, kekanda/Tun Ali, suami tersayang/Kalian terkorban lantaran pendengki!”/”Betapa kejamnya hasad dan iri,/Syaitan menggoda membinasa!”” (*Balada Tun Fatimah*: 14).

*Bangsawan Tun Fatimah* telah dipentaskan untuk pertama kalinya dalam teater yang besar di Kuala Lumpur *Istana Budaya* dari 9 hingga 18 Julai 2004. Rosdeen Suboh yang mementaskannya dengan mencampurkan unsur tradisional khas bangsawan dan unsur khusus teater moden, untuk memberi kepada bangsawan “dimensi dan pemahaman baru” (Luqman Hakim “Tun Fatimah...” 2004?). Tujuan ini barangkali telah dicapai, kalau kita percaya, setidak-tidaknya, kepada Luqman Hakim (*ibid.*) yang tidak mengenali lagi bangsawan tradisional dan pada pendapatnya drama pentas ini tidak tergolong dalam salah satu kategori teater Melayu yang kita kenal.

Kami tidak mengetahui berdasarkan teks mana bangsawan ini. Teater bangsawan ini mengandungi banyak unsur yang mirip dengan unsur dalam novel dan drama Shahrarom Husain, yang bertajuk masing-masing *Tun Fatimah atau Riwayat Perjuangan Ibu Melayu* (1948) dan *Tun Fatimah atau Rahasia Kejatuhan Melaka* (1953/1964), terutamanya yang berkenaan dengan peranan Tun Fatimah yang diubah sebagai pembela keadilan untuk membalas dendam keluarganya. Seperti dalam karya ini, mereka yang bersalah telah diadili, di sini oleh Sultan, agak seperti dalam *SM*, tetapi secara lebih dikembangkan<sup>45</sup>. Tun Fatimah menguasai ilmu perang, tetapi tidak ikut berperang melawan orang Portugis. Perlu dikatakan bahawa bangsawan tidak menganjur sampai kejatuhan Melaka yang hanya disebut dalam epilog oleh Kitul, salah seorang tokoh yang menyertai komplot melawan Bendahara. Begitu juga, tidak didapati, dalam bangsawan, lakonan de Sequeira berusaha memperkosa Tun Fatimah. Sebaliknya, dalam bangsawan ini, Tun Fatimah sendiri membunuh Raja Mendeliar, berbeza dengan novel dan drama pentas dan bahkan dengan *SM*. Pengarangnya memperkenalkan watak, Komeng, yang tidak ada baik dalam *SM* atau dalam novel dan dalam drama pentas Shahrarom Husain. Dia dan Kitul adalah perisik Raja Mendeliar. Mereka juga berlakun sebagai pelawak dalam bangsawan ini. Mereka memberi komentar tentang ceritanya, dalam prolog, epilog, dan antara dua babak.

Untuk mengakhiri kajian ini, marilah kita memperkatakan sekali lagi filem *Puteri Gunung Ledang, Cerita Cinta Agung* (2004) oleh Saw Teong Hin. Sebenarnya telah ada filem tentang episod dalam *SM* ini yang telah diterbitkan dalam tahun 1961 yang kalau diperhatikan ikhtisarnya yang diberikan dalam *filemkita.com*, ia agak dekat kepada karya asalnya. Sebaliknya, filem Saw Teong Hin ini agak menyimpang daripada karya asalnya. Di situ plot dalam *SM* dipertahankan, iaitu lamaran Sultan Mahmud Syah kepada Puteri Gunung Ledang dengan perantaraan Puteri ini menerima lamaran itu dengan beberapa syarat yang dapat dipenuhi Sultan, kecuali syarat yang terakhir, yang berupa pemberian semangkuk darah daripada putera Sultan. Unsur lain dalam plot ini

mungkin timbul daripada rekaan pengarang filem atau dipinjam dari tradisi lisan.

Dalam filem *Saw Teong Hin*, Puteri itu diperlihatkan. Dia adalah perempuan Jawa dari Majapahit yang datang ke Gunung Ledang untuk menanti Hang Tuah yang dicintainya ketika Hang Tuah bertandang ke negaranya<sup>46</sup> sedangkan dalam *SM*, puteri itu tidak pernah dilukiskan. Teksnya hanya menyebut dia adalah “seorang perempuan tua bongkok belakangnya, berlipat tiga” (*SM* : 16), sedangkan tentang Hang Tuah, dia adalah pemuda yang tampan, penuh semangat. Sebaliknya dalam *SM*, dia adalah orang tua. Alasan lamaran Sultan juga berbeza dalam kedua-dua karya itu. Dalam *SM*, permaisuri Sultan wafat. Untuk menggantikannya, Sultan menginginkan seorang puteri yang sama sekali berbeza dengan mereka yang ada dan menurutnya puteri itu adalah Puteri Gunung Ledang. Dalam filem, puteri Majapahit itu dikahwinkan dengan Sultan Melaka sebagai ganti perlindungan yang diberikan melawan tentera Demak. Sultan mengirimi perutusan yang dipimpin oleh Hang Tuah untuk menyampaikan lamaran itu. Dalam *SM*, Hang Tuah hanya salah seorang anggota dalam perutusan yang dipimpin Tun Mamat. Dalam kedua-dua karya itu, puteri itu menerima lamaran dengan beberapa syarat. Namun, dalam *SM*, Sultan Mahmud menolak memenuhi syarat yang terakhir. Dalam filem, sebaliknya, dia menerimanya. Adalah puteri itu yang tiba-tiba muncul untuk menghalang Sultan membunuh puteranya. Dalam keadaan marah sekali, Sultan menyihirnya. Maka puteri itu harus tinggal untuk selama-lamanya di Gunung Ledang dan tidak lagi dapat dilihat orang. Ketika mendengar tentang hal itu, Hang Tuah pergi cepat ke gunung itu untuk melihat perempuan yang dicintainya untuk kali yang terakhir, tetapi sudah terlambat.

## KESIMPULAN

Perkembangan karya sejarah Melayu moden, terutamanya yang diilhamkan daripada *SM*, *HHT* dan tradisi lisan yang berkaitan dengan kedua-dua karya ini telah berjalan bersama-sama dengan gerakan kebangsaan Melayu. Hal ini terutamanya benar dalam bidang kesusasteraan. Karya sastera dalam genre ini memang banyak bilangannya dalam masa yang paling aktif, iaitu bermula dari pembentukan Malayan Union pada tahun 1946 sehingga kemerdekaan pada tahun 1957. Sebahagian besar karya itu adalah benar-benar alat politik untuk mendukung gerakan kebangsaan.

Dalam perspektif ini, pengarang yang berkenaan telah memilih suatu zaman gemilang negaranya di masa lampau untuk memberi pelbagai penafsiran yang perlu kepada tindakan mereka untuk masa kini. Mereka meminjam, misalnya, watak masa lampau yang dapat mendorong pembaca untuk meniru sebagai contoh atau, sebaliknya, tidak mencontohinya. Untuk itu, mereka merubah peranan mereka sesuai dengan keadaan zamannya. Keadaan watak perempuan adalah bererti. Untuk menggalakkan kaum wanita berjuang di samping lelaki,

pengarang moden itu telah memberi mereka peranan yang berbeza dengan peranan mereka di masa lampau. Tun Fatimah adalah contoh yang baik. Perjuangannya pada asalnya adalah menggugurkan kandungannya setiap kali dia mengandung hingga suaminya, Sultan, menerima puteranya yang akan lahir sebagai penggantinya, dalam pelbagai karya moden, mempunyai sifat yang lain. Perjuangan adalah melawan musuh dengan mengangkat senjata.

Jumlah karya sejarah ini masih banyak sekali dalam tahun setelah kemerdekaan (akhir tahun 1950-an-1960-an), iaitu tahun pembentukan sistem negara baru akibat kemerdekaan, kemudian berkurang semenjak tahun 1970-an. Sejak itu, maksud pengarang itu tidak lagi untuk menuntut kemerdekaan, tetapi mempertahankannya. Mereka terus menghasilkan karya untuk menekankan kesalahan masa lampau yang harus tidak lagi dibuat, yang mengambil sebagai watak utama baik tokoh-tokoh teladan atau yang bukan, dan perempuan itu selalu mempunyai peranan penting, sering yang sama saja. Lebih-lebih lagi, masih terus diberi kepada beberapa watak peranan yang tidak ada sebelumnya. Dapat disebut misalnya, Hang Jebat, yang menjadi penjelmaan keadilan atau Hang Tuah dan Puteri Gunung Ledang yang masing-masing dibuat menjadi jatuh cinta sekali. Namun, boleh dicatat bahawa pengarang karya yang lebih mutakhir itu nampaknya tidak selalu menulis dengan tujuan didaktik tertentu. Filem *Puteri Gunung Ledang*, *Cerita Cinta Agung*, misalnya, tidak lain hanya sebuah cerita cinta yang indah dan tragik.

Kebanyakan karya ini adalah sastera komited, pemakaian masa lampau untuk tujuan kebangsaan, peranan pengarang sebagai pembimbing rakyat itu mengingatkan kita kepada kesusasteraan Indonesia sebelum kemerdekaan pada tahun 1945. Seperti di Malaysia, beberapa pengarang Indonesia ketika itu memakai masa lampau untuk menyatakan perasaan kebangsaan mereka. Masa lampau yang tidak seperti dalam kesusasteraan Melayu, iaitu masa kesultanan, tetapi zaman sebelum kedatangan Islam, iaitu zaman kerajaan-kerajaan Hindu, seperti kerajaan Majapahit yang sering merupakan musuh dalam karya-karya Melayu. Di sini kita teringat karya-karya dalam tahun 1920-an dan 1930-an yang ditulis oleh Muhammad Yamin, Rustam Effendi atau Sanusi Pane.

#### NOTA HUJUNG

- <sup>1</sup> Dalam artikelnya yang terbit baru-baru ini, Henri Chambert-Loir (2005: 131 & 133) memberitahu bahawa walaupun tajuk asli (dalam bahasa Arab) dari karya ini iaitu *Sulalat al-Salatin* (Silsilah raja-raja), karya ini sering disebut dengan tajuk bahasa Melayunya yang diberi Abdullah bin Abdul Kadir Munshi untuk edisi yang dia buat pada tahun 1841 (cf. *Sejarah Melayu*, Singapura, MacMicking). Untuk kemudahan kami memakainya dalam artikel ini.
- <sup>2</sup> Untuk selanjutnya kami selalu menyebut kedua-dua karya ini menurut singkatannya: *SM* dan *HHT*.
- <sup>3</sup> Lihat, misalnya, Abdul Rahman Napiah (1994).
- <sup>4</sup> Maril kita sebut antara mereka yang merupakan pengecualian *Sajak-Sajak Sejarah Melayu* (1992) karangan Muhammad Haji Salleh (lahir tahun 1942), dan *Laksamana*



*Melayu Tun Tuah* (1960) oleh Darus Ahmad. Pengarang karya terakhir ini mengatakan dalam pendahuluan bahawa dia telah menulis novel ini bermula daripada cerita yang diceritakan orang tua kepadanya. Kami tidak membaca semua karyanya. Kami hanya dapat menunjukkan tajuk daripada bab yang disebut dalam kandungan bukunya menurut peristiwa dalam *HHT*.

<sup>5</sup> Terdapat juga sebuah drama pentas tentang pengarang *Sejarah Melayu*, karya Shaharom Husain dengan tajuk *Tun Seri Lanang* (1958) (cf. Gambar 1).

<sup>6</sup> Kita dapati, misalnya, tajuk seperti *Dang Anum*, *Puteri Gunung Ledang*, *Tun Fatimah*, *Tun Kudu*, *Tun Teja*.

<sup>7</sup> W.G. Shellabear, ed., 1989, edisi ke-20 (edisi pertama 1896), 262 ms.; Kassim Ahmad, ed., 1991 (edisi pertama 1964), 625 ms.

<sup>8</sup> Kronik yang paling tua, *Hikayat Raja Pasai* (yang ditulis mungkin pada akhir abad ke-14 atau selepas tahun 1524) itu berkenaan kerajaan kembar Samudra-Pasai yang didirikan pada abad ke-13, dan yang berkedudukan di pantai timur laut provinsi Aceh sekarang.

<sup>9</sup> Cf. kata pendahuluan kami daripada *Histoire des rois de Pasey (Hikayat Raja Pasai)* (2004).

<sup>10</sup> Untuk ikhtisar daripada bab-bab dalam *SM*, cf. Zainon S. Ahmad, 1991.

<sup>11</sup> Bahagian kedua inilah yang menjadi tema tulisan Henri Chambert-Loir (1994) yang disebut di atas. Tentang kedua-dua wira, Hang Tuah dan Hang Jebat, lihat juga karya Teeuw, 1961, Josselin de Jong, 1965, dan Parnickel, 1976.

<sup>12</sup> Dia adalah antara penulis skrip drama moden pertama yang telah menulis, antara tahun 1940 dan 1960, hampir dua puluh drama pentas, sebahagian besar bersifat sejarah, dengan dipengaruhi teater Barat (khususnya teater Shakespeare). Teater baru ini yang dinamakan sandiwara (yang secara harafiah bererti “lakonan yang dipentaskan”) lahir sebagai reaksi terhadap bangsawan, teater tradisional yang terdiri dari improvisasi ucapan, nyanyian dan tarian. Sukarlah dikatakan mana drama pentas moden pertama itu kerana “biasanya, selepas pementasan tidak ada siapa yang menyimpan nashkahnya” (cf. kata pengantar Mana Sikana dalam *Memoir Shaharom Husain*: 1996: 13). Drama pentas pertama yang diterbitkan, yang mengandungi pada masa yang sama dengan sejarah dan kebangsaan itu mungkin adalah *Megat Terawis* (1951) oleh Teh Fatimah binti Abdul Wahab (cf. misalnya, *Drama-drama Shaharon Husain* 1991 :xiv). *Megat Terawis* diilhami oleh sejarah Perak di bawah pemerintahan sultannya yang kedua, Mansur Syah, semasa, menjelang tahun 1579, negara ini diduduki Aceh. Watak utamanya, Megat Terawis, adalah lambang keberanian orang Melayu menghadapi kolonisasi (orang Aceh di sini melambangkan orang Inggeris). Fasa pertama dari teater moden, yang berkembang hingga dalam tahun 1960-an, terdiri dari sebahagian besar drama-drama pentas sejarah (cf. Nur Nina Zuriah 1992).

<sup>13</sup> Dalam kata pendahuluan edisi 1978 yang dipakai di sini, pengarang dengan nama samaran Mashyor Malaya, menyebut bahawa novelnya terbit untuk pertama kalinya dalam tulisan Jawi dalam tahun 1948 di Johor Baharu di Anneis Printing Works dan bahawa penerbit yang sama ini telah menerbitkan edisi kedua dalam tulisan latin (Rumi), tetapi dia tidak menyebut tarikhnya (mungkin dalam tahun 1960, mengikut kata pendahuluan Shaharom Husain, yang dipanggilnya dengan nama yang cantik *Pembuka tirai*, pada teks saduran untuk teater yang dia buat dari novel ini, dengan tajuk *Tun Fatimah atau Rahasia Kejatohan Melaka*, 1964).

- <sup>14</sup> Boleh dicatat bahawa novelnya (1963) dan drama pentasnya (1983) yang bertajuk *Bendahara Tepok* dan dalam kedua-duanya dia adalah watak utamanya, menyampaikan cerita yang hampir sama dengan *Korban Sungai Muar* (Shaharom Husain 1996: 313). Ada kemungkinannya kedua-dua karya itu adalah saduran dari novel tahun 1949 ini.
- <sup>15</sup> *Sejarah Melayu* memberi penghuraian yang tidak memuji: « Adapun Bendahara Paduka Tuan itu telah tualah, giginya pun habis, kaki pun telah tepok, duduk di muka pintu, di sana duduk di sana tidur, di sana makan, di sana berak, di sana kencing » (*SM*, versi Shellabear: 196).
- <sup>16</sup> Antara novel-novel masa itu yang menunjukkan semangat perlawanan orang Melayu setelah jatuhnya Melaka bolehlah disebut *Perang Melaka* oleh Darus Ahmad. Novel ini terutamanya berkaitan dengan pejuangmuda Melayu. Antaranya perempuan (Gambar 2 dan 3). Novel ini mungkin diterbitkan tidak lama sebelum kemerdekaan. Edisi yang kami baca itu mengandungi hanya tarikh daripada kata pendahuluan pengarang (31 Mei 1957), edisi ini telah diterbitkan semula tahun 1960 (Mohamad Saleeh Rahamad 2005, catatan 82: 80).
- <sup>17</sup> Teks dari drama pentas ini baru terbit pada tahun 1964.
- <sup>18</sup> Terdapat juga filem, bertajuk *Tun Fatimah* (1962) yang tidak dapat kami kaji. Ikhtisar dan komentar yang didapati di laman web filem kita.com itu menunjukkan filem ini lebih dekat dengan novelnya dan dengan drama pentas Shaharom Husain daripada *SM*. Begitu juga dengan karya yang lebih mutakhir, *Bangsawan Tun Fatimah* (2004) yang akan kami perkatakan lebih jauh.
- <sup>19</sup> Untuk perincian lebih lanjut dari novel ini, cf. Zaini-Lajoubert, 2003. Boleh dicatat bahawa Usman Awang (1929-2001) juga mendapat ilham dari watak ini dalam drama pentas yang terbit dalam tahun 1960-an, yang bertajuk *Menyerahnya Seorang Perempuan* (1969). Sebaliknya dari novelnya, tindakannya bermula, ketika Tun Kudu sudah menjadi isteri Sultan Muzaffar Syah dan bukanlah Tun Kudu, melainkan salah seorang penasihat Sultan, yang menawarkan kepada Sultan untuk menyerahkan Tun Kudu kepada salah seorang bawahannya dan Tun Kudu menyalahkan Sultan menerima tawaran itu kerana egoismenya untuk menyelamatkan takhtanya. Namun, dia menyerahkan dirinya juga, tetapi dengan kepiluan hati dan rasa sakit hati terhadap Sultan.
- <sup>20</sup> Teks yang kami rujuk itu tidak bertarikh. 1951 adalah tahun penerbitan novel yang dicatatkan dalam katalog di Universiti Kebangsaan Malaysia. Karya ini telah diterbitkan beberapa kali. 1963 adalah penerbitannya yang ketiga.
- <sup>21</sup> Bahagian-bahagian dalam *SM* yang diambil sebagai ilham adalah semua *cetera* ke-10 dan awal ke-11.
- <sup>22</sup> *Dosaku* membincangkan tindakan buruk yang terjadi di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah dan *Tak Melayu Hilang di Dunia*, keberanian pejuang Melayu setelah jatuhnya Melaka (Mohamad Saleeh Rahamad 2005: 102).
- <sup>23</sup> Dia juga pengarang edisi kitik *SM* bertajuk *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, edisi ke 4 (edisi pertama 1979), 375 ms.
- <sup>24</sup> Dalam *SM*, dia tidak bernama. Hanya dikatakan “seorang budak” (ms. 51).
- <sup>25</sup> Dalam *SM*, dia tidak bernama.
- <sup>26</sup> Dalam edisi 1963, yang kami rujuk itu disebut “Cetakan Baharu ... 1963”, yang bererti telah ada satu atau lain-lain edisi. Kata pendahuluan edisi ini ditulis Za’ba yang terkenal itu, penulis dari banyak kajian bahasa dan sastera Melayu, bertarikh 1

- April 1954, menunjukkan bahawa karya ini telah diterbitkan pada tarikh itu, mungkin dalam tulisan Jawi. Dalam edisi 1963, nama pengarangnya adalah ditulis Abd. Samad Ahmad.
- <sup>27</sup> Dia merujuk dalam novel ini kepada episod lamaran perkahwinan antara Sultan Mahmud Syah dengan Puteri Gunung Ledang.
- <sup>28</sup> Mengikuti *Hikayat Hang Tuah*, Hang Tuah lahir di Duyong, beberapa kilometer dari Melaka. Perigi yang kini masih dapat dijumpai itu mengikut dongeng, telah digali watak utamanya.
- <sup>29</sup> Menurut *SM*, dia telah meninggal sebelum kejatuhan Melaka di Tanjong Keling. Dalam *HHT*, dia hilang begitu sahaja: “Tun Tuah pun tiada tersebut lagi di dalam negeri itulah”, ms. 594). Terdapat sebuah makam yang mungkin makam Hang Tuah dalam perkuburan di Kampung Tanjong Keling di Melaka.
- <sup>30</sup> Dalam *HHT*, adalah Bukit Pancalusa.
- <sup>31</sup> Perlu dicatat juga munculnya akhir-akhir ini (dalam tahun 2004) tentang Hang Tuah yang bercinta dengan penuh ghairah. Ini berkenaan dengan filem *Puteri Gunung Ledang, Cerita Cinta Agung*. Kami akan kembali memperkatakan lebih jauh keperihalannya ini ketika kami akan mengkaji filem ini.
- <sup>32</sup> Kami tidak kembali ke novel *Bendahara Tepok* (1963) dan lakunan dengan nama yang sama (1983) yang telah kami perikatakan di atas (catatan 14). Kami juga tidak akan mengkaji karya Harun Aminurrashid (1907-1986) yang dalam tahun 1960-an telah mengarang novel yang diilhamkan daripada *SM*, seperti *Sultan Mahmud Shah Melaka* (1967). Lihat artikel kami “L’œuvre de Harun Aminurrashid ou “la connaissance de soi”” (Karya Harun Aminurrashid atau “Mengetahui Diri Sendiri”) (1980).
- <sup>33</sup> Ahmad Bakhtiar adalah pengarang novell lain yang diilhamkan daripada *SM*, seperti *Keris Melaka* (1940), berdasarkan *cetera* ke-33 dan yang amat dipengaruhi oleh aslinya (*Wajah* 1988: 121), dan *Korban Keris Melaka* (tidak bertarikh), berdasarkan yang ke-34.
- <sup>34</sup> Dalam karya sumber, Puteri itu tidak, seperti di sini, diperkenalkan sebagai rekaan semata-mata.
- <sup>35</sup> Dalam novel ini, Sultan Mahmud Syah, setelah mencuba tetapi tidak berjaya merubah pendirian Sultan Ahmad, lalu menjatuhkannya hukuman mati. Dalam *SM* (ms. 205), tidak disebut Sultan Ahmad menyerah diri. Sultan Mahmud Syah menjatuhinya hukuman mati, tetapi atas alasan lain: dia tidak suka pegawai dan orang- besar, tetapi hanya menyukai orang muda..
- <sup>36</sup> *Zaman Gerhana* (1976) yang berdasarkan dua novel sebelumnya, *Dosaku* (1950) dan *Tak Melayu Hilang di Dunia* (1950) (pengarang menerangkan dalam kata pendahuluan novelnya) adalah untuk membangunkan semangat kebangsaan pembacanya. *Zaman Gerhana* lebih lengkap dengan maklumat dan keterangan, disusun lebih baik dan akhirnya cukup berbeza dengan yang lain-lain sebelumnya (cf. Mohamad Saleh Rahamad, 2005, ms. 95).
- <sup>37</sup> Dalam *HHT*, memang ada beberapa keraguan tentang keinginan watak Hang Jebat. Pada awalnya, dia tidak kelihatan sedih atas kematian Hang Tuah. Dia menangis, bersimpati dengan nasib temannya, tetapi tetap setia kepada Sultan, menerima dengan gembira keris Hang Tuah, mengatakan bahawa sekarang, dia adalah Laksamana. Ketika Sultan memberinya gelar Paduka Raja yang biasanya diberikan kepada Bendahara, dia berlaku sebagai Tuan, menghalang pegawai bertemu Sultan,

- menganggap Bendahara dan Temenggung sebagai lawannya. Akhirnya, dia tinggal di istana dan berlaku seperti dalam rumahnya sendiri. Dia menghabiskan waktu dengan bermain-main dengan dayang istana dan gundik Sultan. Tidak tahan dengan kelakuannya, Sultan meninggalkan istana. Pada ketika itulah Hang Jebat berpikir untuk membalas dendam atas kematian Hang Tuah (A. Bakar Hamid 1979: x-xii).
- <sup>38</sup> Sebagaimana telah kita lihat, Tun Teja adalah puteri Bendahara di Pahang yang telah berkahwin dengan Sultan Mahmud Syah.
- <sup>39</sup> Kami tidak menuntun filem ini, kami tidak dapat mengkajinya di sini.
- <sup>40</sup> “Aku telah menentang kezaliman dengan darah, darahku sendiri ... hanya atas keyakinanku membela keadilan” (in Usman Awang, *Drama-drama Pilihan*, 1988, ms. 278).
- <sup>41</sup> Tema ini mungkin dipengaruhi drama Indonesia absurd, seperti karya Arifin C. Noer (cf. Nur Nina Zuriah 1992: 153).
- <sup>42</sup> Perlu dicatat bahawa filem *Tuah* (1989) menempatkan, seperti drama yang baru saja diperbincangkan, dalam konteks kontemporari watak *HHT*. Namun perbandingan berhenti di sini. Sebenarnya, tokoh utama adalah, seperti dalam karya lama, Hang Tuah dan bukanlah Hang Jebat. Dalam filem ini, seorang yang berpakaian seperti pada zaman kesultanan Melaka menyelamatkan Datuk Shaari dan anaknya Sahira dari cengkeraman perompak-perompak, kemudian memperkenalkan dirinya sebagai Hang Tuah. Pada suatu hari, selama berjalan-jalan di Melaka, Tuah melihat gambar seorang Sultan yang mirip Jebat. Orang yang disebut terakhir ini, kata orang, lalu mengamuk, telah membunuh Sultan Mahmud Syah, setelah diberitahu bahawa Sultan telah menghukum mati Tuah, kemudian menyatakan dirinya Sultan. Marah sekali, Tuah mencari cara untuk balik ke zamannya dan mencegah Jebat melakukan perbuatan itu (cf. filemkita.com).
- <sup>43</sup> Hang Li Po adalah seorang tokoh perempuan *SM* (cf. *cetera* ke-15). Puteri Raja Cina, dia diberikan untuk diperisteri Sultan Mansor Syah yang memerintah di Melaka dari 1456 hingga 1477.
- <sup>44</sup> Cf. catatan 24. Seperti diketahui, A Samad Ahmad adalah juga penulis, pengarang dari novel sejarah yang disadur dari *SM*, *HHT* (tidak sering) dan/atau tradisi lisan yang berkenaan dengan kedua-dua karya itu.
- <sup>45</sup> Dalam *SM* (ms. 195-196), kejadian-kejadian berlangsung amat cepat: “Maka dilihat baginda seperti berita orang itu tiada sungguh. Maka baginda pun terlalu sangat menyesal oleh membunuh Bendahara Seri Maharaja tiada dengan periksa lagi. Maka disuruh baginda tafahhus pekerjaan itu dari mana datangnya. Telah nyatalah diketahui baginda fitnah itu daripada Kitul dan Raja Mendeliar datangnya, maka Raja Mendeliar pun disuruh baginda bunuh, dibuangkan dengan segala anak bininya. Akan Kitul disuruh sulakan melintang dengan segala anak bininya... dan Laksamana Khoja Hasan pun disuruh baginda rampas...”.
- <sup>46</sup> Hal ini mengingatkan kami kepada episod dalam *Hikayat Raja Pasai*. Dalam hikayat ini puteri Raja Majapahit iaitu Puteri Gemerencang, jatuh cinta pada salah seorang putera Sultan Pasai, Tun Abdul Jalil, setelah melihat gambar putera Raja itu. Puteri itu kemudian memutuskan untuk pergi ke Pasai. Kerana cemburu, Sultan menyuruh menghukum mati puteranya. Kerana putus asa, puteri itu bunuh diri dengan menenggelamkan kapalnya. Perincian daripada cerita Puteri Gemerencang dan Puteri Gunung Ledang daripada filem ini berbeza, tetapi rangka daripada kedua-dua cerita itu adalah mirip. Dalam kedua-dua cerita itu adalah berkenaan dengan puteri Jawa,

yang meninggalkan negaranya untuk menemui kembali dia yang dicintainya. Begitu juga, dalam kedua-dua karya, cinta mereka adalah tidak mungkin.

#### RUJUKAN

##### Karya-karya sumber

- Kassim Ahmad, ed. 1991. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi pertama 1964).
- Shellabear, W.G., ed. 1989. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya, Fajar Bakti (edisi pertama 1896).

##### Karya-karya moden

- Abdul Samad Ahmad, 1951 ?. *Singapura Di-Langgar Todak*. Kuala Lumpur, H.M. Shah.
- \_\_\_\_\_. 1963. *Laksamana Tun Tuah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka. (edisi pertama 1954?) *Siri Perpustakaan Sekolah DBP no. 13*.
- \_\_\_\_\_. 1976. *Zaman Gerhana*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Ali Aziz. 1960. *Hang Jebat Menderhaka*. Singapura: Malaya Publishing House Limited, *Bangsawan Tun Fatimah* (DVD), 2004. Rakaman daripada drama yang dipentaskan dalam tahun di *Istana Budaya* di Kuala Lumpur.
- Darus Ahmad. 1957. *Perang Melaka*. Penang: Sinaran Bros.
- \_\_\_\_\_. 1960. *Laksamana Melayu Tun Tuah*. Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad.
- Dinsman. 1973. *Jebat DLM Dinsman, Bukan Bunuh Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan. 1067. *Tun Kudu*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara. (edisi pertama 1951 dalam tulisan Jawi).
- Hang Tuah* (1956) (VCD), SV Production (filem)
- Ibrahim Mahmood. 1966. *Tun Biajid, Anak Hang Tuah*. Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad.
- Johan Jaaffar. 1989. *Kotaku Oh Kotaku*. DLM Rahmah Bujang, ed., *1400. Antologi Drama Kontemporari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi pertama 1987).
- Mas Bakhtiar (alias Ahmad Bakhtiar). 1958. *Dang Anum*. Singapura: Geliga Limited.. (dalam tulisan Jawi).
- Mashyor Malaya (alias Shaharom Husain). 1978. *Tun Fatimah atau Riwayat Perjuangan Ibu Melayu*. Melaka: Syarikat Nusantara (edisi pertama dalam tulisan Jawi, 1948).
- Muhammad Haji Salleh. 1992. *Sajak-sajak Sejarah Melayu*..Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Gunung Ledang, Cerita Cinta Agung*, Enfiniti Productions, 2004 (compact disc digital audio).
- Shaharom Husain. 1991. *Drama-Drama Shaharom Husain*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharom Husain. 1991. *Bendahara Tepok* (1983) DLM *Drama-Drama Shaharom Husain*..
- Shaharom Husain. 1991. *Tun Fatimah* (1964). DLM *Drama-Drama Shaharom Husain*, 1991.
- Shaharom Husain. 1991. *Tun Seri Lanang*. Singapura: Pustaka Melayu..
- Usman Awang, 1988. *Menyerahnya Seorang Perempuan* (1969). DLM Usman Awang, *Drama-Drama Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi pertama 1987)..

Usman Awang, 1988. *Matinya Seorang Pahlawan (Jebat)*. DLM *Drama-Drama Pilihan*. Zaihasra. 1987. *Balada Tun Fatimah*. Kuala Lumpur: Syarikat Jingga. (edisi pertama 1986).

#### Kajian-kajian

- A. Bakar Hamid. 1979. *Peristiwa-peristiwa dari Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Napiah. 1994. *Tuah-Jebat Dalam Drama Melayu, Satu Kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, Ramli Isin, Sahlan Mohd. Saman dan Zakaria Ariffin. 1992. *History of Modern Malay Literature*, (Jilid 2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Ahmad Sarji. 1999. *P. Ramlee. Erti yang Sakti*. Kelana Jaya: Pelanduk Publications..
- Chambert-Loir, Henri. 1994. L'espace politique dans la *Hikayat Hang Tuah* (Ruang politik dalam *Hikayat Hang Tuah*): 41-61. DLM D. Lombard & R. Ptak, ed., *Asia Maritima: Images et Réalités, 1200-1800* (Asia Maritima: Imej dan Kenyataan, 1200-1800), Wiesbaden: Harrassowitz.
- Chambert-Loir, Henri, 2005. The Sulalat al-Salatin as a political myth, *Indonesia*, no. 79, (April): 131-160.
- Fistié, Pierre. 1960. *Singapour et la Malaisie* (Singapura dan Malaysia). Paris: Presses universitaires de France.
- Heide, William van der. 2002. *Malaysian Cinema, Asian Film*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Histoire des rois de Pasey (Hikayat Raja Pasai)*. 2004. (Diterjemahkan dari bahasa Melayu oleh Aristide Marre, pendahuluan dan catatan-catatan oleh Monique Zaini-Lajoubert). Toulouse: Anacharsis..
- Johan Jaaffar, Mohd. Thani Ahmad & Safian Hussain. 1992. *History of Modern Malay Literature*, (Jilid I) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Josselin de Jong, P.E. de. 1965. The Rise and Decline of A National Hero. *JMBRAS*, 38 (2): 140-155.
- Kassim bin Ahmad. 1973. *Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. (edisi pertama 1964).
- Kong Yuanzhi. 2001. Cerita Hang Li Po: Ode Persahabatan Kedua-dua Bangsa China-Malaysia *Sari* 19: 179-187.
- Kratz, U. 1993. Durhaka: the concept of treason in the Malay HHT. *SEA Research* 11 (March): 68-97.
- Li Chuan Siu. 1986. *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945-1965*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Luqman Hakim. 2004 ? *Tun Fatimah – Bangsawan ala Istana Budaya*. (edisi internet).
- Shaharom Husain. 1996. *Memoir Shaharom Husain, Selingskar Kenangan Abadi*, Bangi: Universiti Kebangsaan..
- Mohamad Saleeh Rahamad. 2005. *Pencerekaan dalam Novel Sejarah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya..
- Musa, Helen. 1989. Hang Jebat visits Kuala Lumpur; Vilain as hero in modern Malaysian drama. *Review of Indonesian and Malaysian Affairs*, 23: 35-48.
- Nanney, Nancy K. 1994. Evolusi seorang hero: Hang Tuah/ Hang Jebat dalam drama Melayu": 442-457 DLM Ahmad Kamal Abdullah, Shamsuddin Jaafar dan Ahmad

- Razali Haji Yusof, ed., *Sempana; Himpunan Esei Penelitian oleh Sarjana Kesusasteraan Melayu Antarbangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Nur Nina Zuriah. 1992. *An Analysis of Modern Malay Drama*. Shah Alam: MARA Institute of Technology.
- Parnickel, B.B.1976. An epic hero and an "epic traitor" in the *HHT*" *BKI* 132 : 403-417. Laman web: <http://www.filemkit.com>
- Teeuw, A., 1961. Hang Tuah en Hang Djebat, Nationalisme, ideologie en literatuur-beschouwing. *Forum der Letteren*, (February): 37-48.
- Mohd. Thani Ahmad, Sarah Sadon dan Suhaimi Haji Mohammad). 1988. *Wajah, Biografi Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (edisi pertama1981)..
- Watson Andaya, & Barbara Andaya, Leonard Y. 1982. *A History of Malaysia*. London: Macmillan.
- Zaini-Lajoubert, Monique. 1980. L'œuvre de Harun Aminurrashid ou "la connaissance de soi" (Karya Harun Aminurrashid atau "Mengenal Diri Sendiri") *Archipel* 19: 235-249.
- . 2000. De la Malayan Union à l'indépendance (1946-1957) : des années décisives dans l'histoire de la Malaisie évoquées à travers sa littérature" » (Dari Malayan Union ke Kemerdekaan (1946-1957): tahun-tahun yang menentukan dalam sejarah Malaysia yang dilukiskan melalui kesusasteraannya), *Oriente Moderno* XIX (LXXX), 2: 343-369.
- . 2003. Malaisie : Derniers combats pour l'indépendance (Malaysia perjuangan terakhir untuk kemerdekaan), in Monique Zaini-Lajoubert, ed., *États et Littérature en Asie. L'émergence des États modernes (XIX<sup>e</sup>-XX<sup>e</sup> siècles)* (Negara-negara dan Kesusasteraan di Asia. Timbulnya Negara-negara Moden (abad ke-19-20)) Paris: Les Indes savantes: 89-110.
- Zainon S. Ahmad. 1991. *Sejarah Melayu. Kajian Sastera dan Sejarah STPM*. Kuala Lumpur: Elman.

(Sumber asal: Euvres malaises modernes inspirées de traditions anciennes (depuis les années 1940. *Archipel* 73, Paris), 2007: 195-228).

Penulis dan Penterjemah: Monique Lajoubert, Ph D  
Penyelidik  
Centre national de la Recherche scientifique (CNRS),  
EHESS, 54 Bd.Raspail.Bur732  
75006 Paris,  
Dan juga pensyarah  
Institut national des Langues et Civilisations orientales (INALCO),  
Paris.

Emel: [monique.lajoubert@wanadoo.fr](mailto:monique.lajoubert@wanadoo.fr)